

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 139 ● 29 OKTOBER - 4 NOVEMBER 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

www.wilayahku.com.my

[wilayahku.com.my](https://www.wilayahku.com.my) [Wilayahku](#) [@akhbarwilayahku](#) [Wilayahku](#) [WKTV](#)

Diskusi maya

Shahidan, rakyat bersemuka



SELEPAS berkongsi nombor telefon peribadinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim akan mengadakan diskusi kira-kira dua jam bersama warga Wilayah Persekutuan bagi membuka ruang untuk individu terlibat menyuarakan permasalahan mahupun aduan.

Pendekatan tersebut diambil selepas

Menteri Wilayah Persekutuan itu menerima ribuan panggilan mengenai kerosakan jalan raya di Kuala Lumpur di samping beberapa masalah utama lain yang perlu diberi perhatian.

Berkata mengenainya, Shahidan memberitahu, Program Hari Rakyat akan dilaksanakan secara atas talian bagi memberi


peluang kepada warga Wilayah Persekutuan berinteraksi dengan pemimpin-pemimpin kerajaan.

“Rakyat boleh berinteraksi dengan kita dalam tempoh satu jam 30 minit supaya kita dapat mendengar apa sahaja keluhan rakyat,” katanya.

LAGI BERITA DI MUKA 2



Pupuk budaya majlis ilmu di WP >> 4



Sekitar Sambutan Jubli Emas Kuala Lumpur >> 5, 10, 11 & 12



Kedai coklat viral di Lembah Klang >> 22

Residensi Wilayah Keluarga Malaysia realisasikan impian warga kota miliki rumah sendiri

Lebih 62,000 unit kediaman telah dibina



SHAHIDAN menyerahkan replika kunci kepada salah seorang penghuni Residensi Desa Satumas baru-baru ini.

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) berjaya melaksanakan kira-kira 62,701 unit Residensi Wilayah Keluarga Malaysia (RWKM) yang melibatkan 100 projek telah mendapat kelulusan untuk pembinaan di Wilayah Persekutuan hingga 30 September lalu.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, jumlah tersebut merangkumi 93 buah projek di Kuala Lumpur, tiga projek di Putrajaya dan selebihnya di Labuan.

"Daripada jumlah itu, 20,472 unit telah siap membabitkan 19,360 unit di Kuala Lumpur dan 1,112 unit di Labuan.

"Masih banyak lagi unit rumah RWKM yang dibuka untuk

jualan dan boleh dipohon melalui portal rasminya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Residensi Desa Satumas baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) KWP Perancangan dan Pembangunan, Datuk Che Roslan Che Daud; TKSU Pengurusan dan Sosio Ekonomi, Datuk Parang Abai @ Thomas dan Pengarah Eksekutif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Sulaiman Mohamed.

Menurut Shahidan, RWKM yang dahulunya dikenali sebagai Residensi Wilayah ini dilaksanakan bagi merealisasikan impian warga Kuala Lumpur untuk memiliki kedia-

man sendiri pada harga mampu milik terutama sekali bagi pembeli golongan berpendapatan sederhana rendah, M40.

"Kelulusan permohonan bagi projek ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan ia fokus kepada kumpulan sasar yang memerlukan terutamanya golongan yang belum memiliki rumah lagi di Wilayah Persekutuan.

"Kerajaan akan sentiasa melakukan penambahbaikan dalam memastikan kediaman yang ditawarkan memenuhi keperluan semasa rakyat.

"Ia juga dibangunkan dalam persekitaran yang lebih selesa, kondusif, mesra keluarga dan praktikal dalam lingkungan harga yang mampu dibiayai," katanya. **W K**

Harga rumah mampu milik kekal di bawah RM200,000 seunit

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) tidak berancang untuk menurunkan harga atau menawarkan diskaun bagi dua projek rumah mampu milik (RMM) di bawah kendaliannya.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, harga jualan bagi Projek Residensi Keluarga Malaysia (RKM) yang ditetapkan adalah tidak melebihi RM200,000 seunit.

"Harga jualan tersebut ada-

lah berdasarkan kajian kebolehlaksanaan pembangunan perumahan mampu milik RKM di Wilayah Persekutuan.

"Ia boleh menjadi tarikan kepada pemaju untuk membangunkan 100 peratus komponen RKM tanpa melibatkan dana kerajaan di atas tanah milik kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian



JALALUDDIN

an ketika menjawab soalan daripada Senator N Balasubramaniam yang bertanya mengenai Projek Residensi Wilayah dan adakah pihak kementerian bercadang menurunkan atau mewujudkan diskaun terutama bagi mereka yang pertama kali ingin memiliki rumah mahupun B40 di Dewan Negara pada Selasa.

Jelasnya, langkah terse-

but dibuat setelah pihaknya mengambil kira kos-kos yang perlu ditanggung pemaju antaranya tanah, pembinaan, infrastruktur, fasiliti, caj sumbangan dan pematuhan serta pembiayaan.

Justeru itu, katanya, KWP mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Residensi Prihatin Keluarga Malaysia yang berharga di bawah RM200 ribu dengan keluasan minima 750 kaki persegi (kps). Jalaluddin berkata, program

Residensi Wilayah (RW) yang dahulunya dikenali RUMAWIP merupakan program RMM di Wilayah Persekutuan meliputi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, ia kemudian dinamakan sekali lagi sebagai Residensi Wilayah Keluarga Malaysia.

"Ia dijual dengan harga tidak melebihi RM300,000 seunit berkeluasan minima 900kps khusus untuk golongan M40 memiliki rumah," katanya. **W K**

Program Hari Rakyat: Peluang diskusi isu semasa bersama menteri, pegawai

DARI MUKA DEPAN

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) akan melaksanakan Program Hari Rakyat secara atas talian bagi memberi peluang kepada warga Wilayah Persekutuan berinteraksi dengan pemimpin-pemimpin kerajaan.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, pro-

gram tersebut akan mengambil kira aduan, rungutan mahupun keluhan rakyat selain menyelesaikan masalah yang dihadapi rakyat.

"Sebelum ini kita ada Program Hari Rakyat dari maya yang kita buat di Arau, Perlis dan juga di Jelevu, Negeri Sembilan.

"Rakyat boleh berinteraksi dengan kita dalam tempoh satu jam 30 minit supaya kita dapat menden-

gar apa sahaja keluhan rakyat. Kita ambil pendekatan Keluarga Malaysia yang mana setiap keluhan dibicarakan dengan baik tanpa menuduh mana-mana pihak," katanya dalam sidang media selepas Program Pra Pelancaran Sambutan Jubli Emas Kuala Lumpur pada Ahad.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Jelas Shahidan, program tersebut akan dilaksanakan segera dan ia diadakan setiap minggu.

"Kita akan beri tajuk mengenai masalah semasa, contohnya hari ini tentang masalah jalan berlubang. Orang bagi rungutan, kita turun padang serta merta.

"Ada orang mahu berniaga, ada yang memohon rumah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan lain-lain isu. Jadi, kita akan dengar dan menyelesaikannya," jelas beliau.

Walaubagaimanapun ujarnya, sesi interaksi ini pasti akan disertai seluruh rakyat kerana ia dilakukan secara atas talian.

"Yang saya pasti kalau kita pergi ke dunia maya sudah pasti seluruh

Malaysia akan tanya soalan. Tiada masalah, kita merupakan satu pemimpin dalam Keluarga Malaysia.

"Kita meletakkan matlamat untuk menyelesaikan masalah rakyat," katanya. **W K**



SHAHIDAN menyerahkan replika cek kepada pemenang utama mereka bentuk maskot sambil disaksikan Jalaluddin (kanan).

PROGRAM USAHAWAN ANAK MUDA KOTA

PENUTUPAN LORONG TUANKU ABDUL RAHMAN
SETIAP HARI (AHAD - JUMAAT) | BERMULA 1.00 PETANG HINGGA 10.00 MALAM

USAHAWAN ANAK MUDA KOTA

(PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN YANG TERDIRI DARI GOLONGAN ANAK MUDA KOTA)

Jenis Perniagaan : Barangan kering & F&B

Logistik : Kanopi (MERAH KUNING)

SEKSYEN A (MAKANAN/MINUMAN) | SEKSYEN B (BARANGAN KERING)

PENJAJA BEREDAR

(FOODTRUCK, CARAVAN, RODA TIGA)

Jenis Perniagaan : F&B

Tarikh Pelaksanaan : 24 Oktober 2021 - Tempoh 1 tahun
Hari : Setiap hari kecuali SABTU (Pasar Malam)
Waktu Perniagaan : 1.00 petang - 10.00 malam
 (*tertakluk kepada SOP MKN)

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
 @DBKL311
 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

ASEAN, Australia tingkat kerjasama hadapi kecemasan kesihatan

ASEAN dan Australia perlu bersedia menghadapi kecemasan kesihatan awam dan kemunculan penyakit baharu pada masa depan, melalui perkongsian pengetahuan serta program pembinaan kapasiti, termasuk memanfaatkan teknologi digital.

Perdana Menteri **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** berkata demikian pada Sidang Kemuncak ASEAN-Australia yang julung kali diadakan secara maya pada Rabu.

Beliau berkata Malaysia menghargai sokongan diberikan Australia terhadap usaha ASEAN untuk mengurangkan kesan COVID-19.

"Hampir A\$700 juta telah dipesuntukkan untuk pelbagai inisiatif. Ini sangat membantu ASEAN untuk meneruskan Kerangka Kerja Pelan Pemulihan Komprehensif bagi melaksanakan strategi pemulihan ASEAN dan membina masa depan yang mampan dan berdaya tahan," katanya pada Sidang Kemuncak itu yang turut dihadiri rakan sejawatannya dari Australia, Scott Morrison.

Ismail Sabri berkata sejak 1974, hubungan dialog ASEAN-Australia terus berkembang dan semakin

kukuh dengan kemunculan pelbagai bidang kerjasama baharu.

Beliau berkata Malaysia menyokong kemajuan Hubungan Dialog ASEAN-Australia kepada perkongsian strategik komprehensif dan penglibatan tahunan di peringkat tertinggi dapat memberikan sumbangan lebih besar dalam mengukuhkan lagi perkongsian untuk manfaat bersama.

"Malaysia juga menyambut baik pengumuman Perdana Menteri Morrison mengenai bantuan tambahan sebanyak A\$124 juta dalam 10 tahun akan datang.

"Bidang kerjasama yang disyorkan amat relevan. Malaysia menantikan projek yang saling menguntungkan yang merentasi tiga tonggak Komuniti ASEAN," tambahnya.

Ismail Sabri berkata satu lagi bidang yang perlu diberi perhatian ialah kesihatan mental, menyaksikan Malaysia, Brunei dan Australia telah menjalinkan kerjasama rapat.

Beliau berkata Malaysia telah melancarkan Pelan Strategik Kesihatan Mental 2020-2025 dan



ISMAIL Sabri pada Sidang Kemuncak ASEAN-Australia.

merancang untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan.

"Sehubungan itu, Malaysia berharap dapat bekerjasama dengan negara anggota dan Australia untuk menjadikan penjagaan kesihatan mental lebih mudah diakses dan tersedia melalui penggunaan platform digital," katanya sambil menam-

bah bahawa Malaysia juga masih menunggu maklum balas cadangan Mesyuarat Pakar Kesihatan Mental ASEAN-Australia.

Mengenai pendidikan, Ismail Sabri menekankan kepentingan Pendidikan dan Latihan Vokasional Teknikal, dan bagaimana ia boleh menyumbang kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

dan syarikat pemula.

Beliau berkata, PMKS menyumbang lebih 60 peratus pekerjaan di rantau ini.

"Pendidikan adalah elemen penting dalam perkongsian ASEAN-Australia. Bagi mengukuhkan kerjasama dalam bidang ini, komuniti terpinggir termasuk belia, wanita dan kanak-kanak perlu dilengkapkan dengan kemahiran ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi).

"Ini akan membantu meningkatkan kemahiran dan menghasilkan pekerja mahir di samping kualiti tenaga buruh, keberkesanan dan kecakapan PMKS serta syarikat pemula," katanya yang turut merakamkan penghargaan kepada Australia kerana menyertai 'Bersama Gold' Perjanjian Pertahanan Lima Negara, baru-baru ini.

Sidang Kemuncak ASEAN-Australia diadakan di luar Sidang Kemuncak ASEAN ke-38 dan ke-39 dan Sidang Kemuncak Berkaitan, dianjurkan secara maya selama tiga hari bermula Selasa, dipengerusikan Brunei. - BERNAMA

1,276 permohonan diproses, 119 peroleh CCC Sistem KLIS: Permohonan permit pembinaan mudah

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memperluaskan lagi penggunaan platform digital bagi permohonan permit pembinaan kecil atau B2 secara atas talian (*online*).

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, menerusi agenda digitalisasi, DBKL telah menggunakan Sistem Kuala Lumpur Integrated Submission (KLIS) bagi memudahkan pihak Principal Submitting Person (PSP) mengemukakan permohonan berskala kecil kediaman kepada mereka.

"Inisiatif ini mula berkuatkuasa 1 Oktober lalu dan ia merupakan sistem *online* sepenuhnya atau 'end-to-end' (E2E) bagi pihak PSP mengemukakan permohonan permit pembinaan kecil secara kepada DBKL.

"Ia melibatkan keseluruhan proses mendapatkan kelulusan mengenai Perintah Pembangunan, Pelan Bangunan dan Pelan Kejuruteraan sehingga pendepositan CCC (Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan).

"Sistem ini bercirikan *online submission, online processing, online payment, self-monitoring, paperless* dan *mobile friendly* yang membolehkan permohonan dapat dikemukakan ke Urus setia Pusat Setempat, DBKL tanpa had masa dan di mana sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika



SHAHIDAN (tengah) ketika melancarkan Sistem KLIS di ibu negara pada Rabu.

berucap pada Majlis Pelancaran Sistem KLIS di Perpustakaan Kuala Lumpur pada Rabu.

Katanya, sejak pemakaian Sistem KLIS ini, sebanyak 1,276 permohonan berskala kecil kediaman telah diterima dan diproses DBKL, 119 permohonan selesai urusan memperoleh CCC.

"Pusat Setempat (OSC) DBKL akan menerima permohonan Permit Pembinaan Kecil B2 ke atas pembangunan kediaman yang banyak iaitu purata 500-600 permohonan setahun.

"Proses mengemukakan permohonan, pemprosesan dan kelulusan akan dapat berjalan seperti biasa kerana semuanya adalah secara atas talian. Ia juga lebih selamat kerana urusan yang *contactless* dan *paperless*,"

katanya.

Beliau berkata, melihat kepada keberkesanan sistem ini, DBKL sedang merancang untuk memperluaskan lagi penggunaan Sistem KLIS menjelang Jun 2022.

"Ia akan melibatkan permohonan kelulusan pembangunan di Kuala Lumpur yang merangkumi projek berskala sederhana dan besar dibuat secara *online* sepenuhnya," katanya.

Mengulas lanjut, Shahidan memberitahu, inisiatif perluasan Sistem KLIS memenuhi salah satu objektif pendigitalan kerajaan iaitu bagi meningkatkan jumlah ataupun peratus perkhidmatan secara dalam talian sepenuhnya dari mula hingga akhir, pada bila-bila masa dan di mana sahaja tanpa perlu bersemuka. W K

Tanah runtuh: Kerja pembaikan selepas laporan Ikram

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menunggu hasil laporan daripada Institut Kerjaraya Malaysia (Ikram) berkenaan insiden tanah runtuh di Bukit Bandaraya, Bangsar yang berlaku Sabtu lalu.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, kerja-kerja pembaikan akan bermula dengan segera selepas pihaknya memperoleh laporan tersebut.

"Setelah saya dapat berita mengenai kejadian itu, saya mengarahkan pegawai DBKL dan timbalan saya untuk memantau keadaan di kawasan tersebut.

"Beberapa penduduk yang terjejas perlu berpindah untuk sementara waktu," katanya dalam sidang media pada Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Emas Bandaraya Kuala Lumpur di Biro Pelancongan Kuala Lumpur pada Ahad.

Hadir sama, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Insiden tanah runtuh di Jalan Lingkungan Negeri Sembilan, Bukit Bandaraya pada pukul tujuh malam itu dipercayai akibat hujan lebat yang melanda ibu negara sehingga berlaku pergerakan tanah di kawasan itu dan telah menyebabkan hampir 40 meter bahu jalan utama runtuh.

Dalam perkembangan sama, Jalaluddin berkata, sebagai langkah awal, DBKL dengan kerjasama persatuan penduduk akan menasihati individu terlibat untuk mengosongkan rumah mereka bagi memberi laluan kerja-kerja pembaikan cerun dilaksanakan.

"Kontraktor yang dilantik akan memulakan kerja pembaikan dan keadaan di kawasan itu agak membahayakan jika penghuni terus tinggal di rumah masing-masing.

"Pihak berkuasa akan menyelesaikan soal runtuhan termasuk perlu mengalih tiang elektrik TNB dan menebang pokok untuk keselamatan penduduk setempat," katanya kepada pemberita selepas meninjau keadaan kawasan tersebut pada Ahad.

Beliau yang diiringi Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek DBKL, Datuk Azmi Abdul Hamid berkata, kawasan tersebut berbukit dan telah berusia hampir 40 tahun bagaimanapun, struktur jalan di kawasan berhampiran tidak mempunyai tanda-tanda rekahan.

"Walaupun tidak menampakkan tanda-tanda runtuhan, terdapat aliran air (di bawahnya) selain beberapa perkara yang berkemungkinan menyebabkan rekahan tanah berlaku sehingga mengalami runtuhan.

"Kita akan membuat kajian mengenai pergerakan tanah di kawasan ini dari semasa ke semasa. Satu pasukan khas akan terus memantau pergerakan tanah dan juga aliran air serta beberapa perkara yang melibatkan masalah tersebut," katanya. W K

'Air sampah' yang dirawat AFES selamat sebelum dialirkan ke sungai

AZLAN ZAMBRY

AIR larut resap hasil dari sisa pepejal yang dirawat di Loji rawatan larut lesap di Stesen Pemindahan Alam Flora Environmental Solutions (AFES) adalah bersih dan selamat sebelum ia dialirkan ke sungai.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, air larut resap yang terhasil itu juga melalui beberapa proses rawatan bagi memastikan ia bersih dan selamat dari pencemaran.

"Saya sudah melihat bagaimana air 'leacheate' ini dibersihkan sebelum ia disalurkan ke Sungai Jinjang dan seterusnya ke Sungai Gombak, Kuala Lumpur kerana di sana ada Projek Sungai Nadi Kehidupan (RoL).

"Kita hendak pastikan air yang mengalir itu adalah bersih dan tidak menyebabkan pencemaran kepada sungai di Kuala Lumpur," katanya selepas melakukan lawatan kerja ke Stesen Pemindahan yang dikendalikan AFES di Kepong pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn Bhd, Datuk Mohd Zaib Hassan.

Jelas Shahidan, pihak AFES sudah menunjukkan proses rawatan air larut resap dengan terperinci sehingga ia bersih dan selamat digunakan.

"Mereka menjalankan operasi rawatan terhadap air larut resap dan setelah diproses, air yang terakhir itu disalurkan ke dalam sebuah akuarium yang mengandungi ikan dan ia hidup dengan baik."

Sementara itu, Mohd Zain berkata, proses yang dilaksanakan iaitu proses biologi dan kimia, berjaya menghasilkan air yang bersih serta boleh dialirkan ke sungai berhampiran.

"Sisa yang perlu dihantar ke pusat pelupusan sampah akan dimampatkan di sini, lebih 200 kenderaan pemadat (lori sampah) beroperasi di sekitar Kuala Lumpur. Kesemua sisa yang dimampatkan dimasukkan ke dalam kontena sebelum dihantar ke pusat pelupusan sampah di Bukit Tagar," katanya. **W K**



SHAHIDAN (kiri) melihat akuarium yang diisi dengan air larut resap yang telah dirawat di Loji Rawatan, Stesen Pemindahan Alam Flora Environmental Solutions (AFES) di Kepong pada Selasa.

KWP diseru menganjurkan program seumpamanya dari semasa ke semasa

Pupuk budaya majlis ilmu di WP

SETELAH lebih dari satu tahun larian melaksanakan majlis bersemuka, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) tampil menganjurkan majlis ilmu secara hibrid.

Melalui Program Bicara Tokoh Ilmuan Agama, majlis yang julung kali diadakan itu telah mengundang Mufti Kerajaan Negeri Perlis, Datuk Dr Muhamad Asri Zainal Abidin untuk membicarakan mengenai Doa Mustajab Mengikut Sunnah.

Program yang diadakan di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu turut dihadiri Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah; Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain serta pegawai-pegawai kanan dan pengarah-pengarah agensi di bawah KWP.

Disiarkan secara langsung melalui laman Facebook rasmi KWP, warga Wilayah Persekutuan turut berpeluang bertanyakan soalan kepada tokoh jemputan tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, warga kerja KWP dan agensi di bawahnya seharusnya menjadikan majlis ilmu sebagai satu budaya sekali gus membolehkan semua pihak mengambil manfaat daripada intipati yang disampaikan.

"Kita wajar mendekati majlis ilmu kerana

pahalanya begitu besar iaitu lebih daripada 1,000 rakaat menunaikan solat sunat.

"Saya percaya setiap yang hadir akan mengambil manfaat dalam mempelajari ilmu yang berguna," katanya ketika berucap merasmikan Program Bicara Tokoh Agama pada Selasa.

Beliau menyeru kepada warga kerja KWP dan agensi untuk menghayati setiap pesanan yang diberikan agar ia boleh dimanfaatkan dan dijadikan panduan dalam kehidupan.

"Ramai yang mungkin tidak memahami konsep doa yang betul, oleh yang demikian, saya membawa tokoh yang dikenali ini agar kita dapat bersama-sama belajar di samping menambah ilmu pengetahuan," katanya.

Shahidan turut mengingatkan kepada semua pihak mengenai hadis Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah mengenai amalan selepas kematian yang tidak akan terputus kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain atau anak soleh yang berdoa untuknya.

"Kita sering mendengar hadis ini dibacakan di mana-mana dan kita perlu menghayati tiga perkara yang disebutkan itu," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, tokoh-tokoh agamawan lain akan dibawa dalam setiap penganjuran majlis ilmu, dari semasa ke semasa. **W K**

Pembaca boleh imbas QR code untuk tonton video berkenaan



Fahami konsep doa mustajab

HAZIRAH HALIM

BAGI umat Islam, doa merupakan senjata, sumber kekuatan serta harapan untuk menggapai impian, kejayaan mahupun kebahagiaan di dunia dan akhirat. Doa juga kunci penyelesaian bagi setiap kekeliruan dan persoalan di dalam kehidupan seseorang.

Erti sebenar doa adalah permintaan, permohonan atau rayuan seseorang kepada Allah SWT yang diucapkan dengan penuh keikhlasan, kerendahan hati dan bersungguh-sungguh terhadap apa yang dimohon.

Menjelaskan mengenai konsep itu, Mufti Negeri Perlis, **Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin** berkata, doa adalah ibadah dan akidah yang dipohon oleh seorang hamba kepada Penciptanya.

"Hadis daripada Abu Hurairah R.A daripada Nabi SAW, diriwayatkan Imam Tarmizi menyebut bahawa, tidak ada satu amalan yang lebih mulia di sisi Allah SWT lebih daripada doa.

"Doa yang baik adalah doa dalam keadaan tenang, penuh jiwa kehambaan dan di mana ketika jiwa kita dekat dengan Allah SWT doa itu akan mustajab tidak kira dalam apa jua bahasa yang diungkapkan.

"Setiap apa yang diminta disimpan di sisi Allah. Berdoalah dengan penuh kedambaan dan bersungguh-sungguh kerana Allah itu Ya Karim (Maha Pemurah) dan Ya Sami' (Maha Mendengar)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengendalikan Program Bicara Tokoh Ilmuan Agama dengan tajuk Doa Mustajab Menurut Sunnah yang berlangsung secara maya menerusi Facebook Kementerian Wilayah Persekutuan, pada Selasa.

CIRI DOA YANG MUSTAJAB

Setiap orang tentu mengharapkan doanya dimakbulkan Allah SWT, oleh itu, Mohd Asri turut berkongsi doa yang termakbul dalam beberapa situasi.

"Pertama adalah doa orang yang dizalimi. Jika mereka berdoa, ia bagaikan panah malam yang terpancar kepada seseorang.

Sekalipun dia melakukan kejahatan, jika dia menadahkan tangan, merintih dan berkata Ya Rabb maka termakbulallah doa itu.

"Kedua, doa ketika senang. Sering kita dengar, seseorang akan berdoa jika ditimpa musibah dan masalah. Tidakkah anda tahu, doa ketika senang juga dimustajabkan. Sebagai contoh, memohon kepada Allah untuk dimurahkan rezeki, diberikan kesihatan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

"Ketiga, doa ibu bapa kepada anak-anaknya. Sebagai ibu bapa, kita harus banyakkkan berdoa untuk anak-anak supaya mereka menjadi anak yang berbakti kepada agama, orang tua dan negara. Jangan sekali-kali mengucapkan perkara yang tidak elok atau kasar kepada anak-anak, kerana perkataan yang keluar dari mulut ibu bapa adalah doa dan ia merupakan salah satu doa mustajab.

LAGI GAMBAR DI MUKA 13

"Keempat, doa anak berbakti kepada ibu bapa. Dari Abu Hurairah R.A, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda, 'Sesungguhnya Allah akan mengangkat darjat seorang hamba yang soleh di syurga, lalu ia bertanya, 'Dari mana aku memperoleh darjat ini?'. Allah SWT berfirman, 'Dengan permohonan ampun anakmu untukmu'. (HR. Ahmad, sanadnya dinyatakan shahih oleh Ibnu Katsir)," jelasnya mengenai doa mustajab.

Tambahnya lagi, doa ketika sedang sakit, semasa sujud, doa sepertiga malam dan doa ketika musafir juga antara doa-doa yang dimakbulkan.

Bagaimanapun, beliau turut memberitahu, terdapat dua doa yang tidak mustajab iaitu doa orang yang ingin melakukan dosa dan doa orang yang mahu memutuskan hubungan silaturrahim.

"Hadis daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda (hadis riwayat Al-Tarmizi): Ketahuilah kamu bahawa Allah tidak akan memustajabkan doa yang datang daripada hati yang lalai dan lagi alpa iaitu seseorang itu tidak yakin dengan doanya," katanya. **W K**



SHAHIDAN bersama isterinya, Datin Seri Shamsiah Md Yassin menadahkan tangan ketika bacaan doa sebelum Program Bicara Tokoh Ilmuan Agama pada Selasa.

50 tahun Bandaraya KL disambut 1 Februari 2022

SAMBUTAN Jubli Emas Bandaraya Kuala Lumpur (1972-2022) akan diadakan pada 1 Februari depan, bagi memperingati ulang tahun ke-50 pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai bandaraya pertama di Malaysia pada 1972.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim**, berkata sambutan itu diadakan bagi memupuk kesedaran warga kota terhadap Kuala Lumpur melalui pembabitan yang lebih meluas dalam program dan aktiviti sambutan.

Sebanyak 50 program dan aktiviti sudah diatur khusus untuk disertai oleh warga kota, yang bertujuan menjalinkan hubungan erat dan lebih inklusif antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), masyarakat dan pihak berkepentingan.

KWP, DBKL TEKAD TERUSKAN KECEMERLANGAN KL MUKA 10, 11, 12

“Antara program dan aktiviti ianya ialah Pertandingan Menulis Artikel Kuala Lumpur, Festival Gendang dan Tari Kuala Lumpur, Karnival Ohhh Kuala Lumpur, Festival Nostalgia Kuala Lumpur-KL Dulu dan Festival Jom Makan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas melancarkan logo, slogan dan maskot bagi sambutan berke-



SHAHIDAN (tengah) ketika Majlis Sambutan Jubli Emas Bandaraya Kuala Lumpur baru-baru ini.

naan sempena genap 100 hari menjelang 1 Februari 2022, hari ini yang turut dihadiri timbalannya Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Shahidan berkata, Kuala Lumpur telah melalui evolusi yang hebat daripa-

da sebuah pekan kecil sehingga apa yang kita dapat lihat hari ini. Kejayaan demi kejayaan dilakar dalam pelbagai bidang di peringkat negara mahupun di persada dunia sekali gus membuktikan pencapaian yang luar biasa dalam tempoh lima dekad ini. **W K**

14 premis judi haram dipotong bekalan elektrik

KHAIRUL IDIN

SEBANYAK 14 premis yang disyaki menjalankan aktiviti perjudian haram di sekitar Labuan dikenakan tindakan pemotongan bekalan elektrik.

Ketua Polis Daerah Labuan, **Superintendan Ahmad Jawila**, berkata, kesemua premis yang dikenakan tindakan itu melibatkan lima buah premis di bandar dan selebihnya di kawasan luar bandar.

Menurutnya, operasi bersepadu itu dilakukan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Labuan dengan kerjasama Sabah Electricity Sdn Bdn (SESB) baru-baru ini.

Katanya, tindakan pemotongan bekalan elektrik itu diambil bagi mengekang aktiviti perjudian di pulau itu.

“Tindakan pemotongan elektrik oleh kakitangan SESB selaras dengan Peruntukan Seksyen 21A Akta Rumah Judi Terbuka 1953,” katanya kepada pemberita selepas menyertai operasi pemotongan bekalan elektrik tersebut.

Turut hadir, Pengurus Zon SESB



SEBANYAK lima buah premis di bandar dan selebihnya di kawasan luar bandar dikenakan tindakan pemotongan bekalan elektrik.

Labuan Ir Abd Affidz Abd Mokmin.

Ahmad menegaskan pihaknya memberi amaran keras kepada setiap pemilik premis perniagaan supaya tidak menyalahgunakan lesen niaga mereka bagi

menjalankan kegiatan haram terbit.

“Kita harap orang ramai dapat menyalurkan maklumat sekiranya mengetahui sebarang kegiatan judi haram di persekitaran mereka,” katanya lagi. **W K**

CERITA KEDAI KOPI

Nak PKP diteruskan pula!

TERKEJUT kawan-kawan Kedai Kopi apabila ada rakan menyebut elok juga jika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diteruskan. Kenapa pula sudah elok Wilayah Persekutuan berada dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan rentas negeri dibenarkan mahu PKP semula?

Rupanya dia mengeluh mengenai kesesakan jalan di ibu negara yang nampaknya telah kembali kepada keadaan asal sebelum PKP dilaksanakan. Sewaktu PKP, jalan lapang dan pergerakan lancar, walau terhad hanya kepada mereka yang dibenarkan.

Tidak lama lagi mulai 8 November, sekolah pula akan mula dibuka. Tentunya kesesakan lalu lintas di jalan raya akan semakin bertambah, terutama pada waktu puncak. Kesesakan lebih teruk jika ada projek pembinaan atau memperbaiki jalan.

Mungkin rakan tadi hanya bergurau. Namun begitu kawan-kawan Kedai Kopi tidak fikir tidak munasabah hanya kerana kesesakan lalu lintas ini maka PKP hendak dikenakan semula dan pergerakan terhad. Tidak harus untuk mundur setelah maju ke hadapan.

Kesesakan lalu lintas bagai sudah menjadi pakaian Kuala Lumpur. Suka tidak suka perlu dihadapi. Harus diterima hakikat bahawa semakin lama keadaan ini dijangka semakin mencabar kerana pertambahan kenderaan di jalan raya seiring dengan pertambahan jumlah warga kota.

Kerana itu usaha meningkatkan pengangkutan awam sentiasa dilakukan. Perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) banyak membantu kerana laluannya tidak ada gangguan, selain disediakan tempat parkir untuk orang ramai.

Namun pengangkutan awam lain seperti bas, teksi atau e-hailing, masih tetap tertakluk kepada keadaan lalu lintas. Dapada pelbagai syarikat penyedia perkhidmatan bas suatu ketika dahulu seperti Srijaya, Len Seng, Len Omnibus dan Intrakota yang memenuhi jalan raya Kuala Lumpur sehingga kini Rapid KL, masalah tetap berterusan.

Cuma mungkin dua tiga dekad lalu kesesakan tidak mendesak seperti sekarang. Namun warisan lalu ini terpaksa dihadapi saban hari.

UNDI 18

TERUJA kawan-kawan Kedai Kopi dengan berita kuasa baharu politik tanah air bakal menjelma dengan pelaksanaan Undi 18 dan pendaftaran pemilih secara automatik selewat-lewatnya pada 31 Disember. Maknanya anak muda berumur 18 tahun kini layak mengundi berbanding dengan umur minimum 21 tahun.

Seperti yang disebut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kerajaan memberi kuasa besar kepada anak muda di negara ini dengan memberi taruhan kepada Undi 18. Ini membuktikan keyakinan kerajaan kepada anak muda dalam proses pembangunan negara.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap anak muda yang telah memasuki usia 18 tahun tidak akan melepaskan peluang bersama-sama menentukan masa depan negara. Perjalanan pertama yang mesti dilakukan ialah dengan mendaftar sebagai pemilih.

Walaupun proses pendaftaran dikatakan rancak, ada laporan mengatakan pendaftaran tidak seimbang. Proses pendaftaran di kalangan anak muda Melayu dikatakan perlahan dibandingkan dengan kaum lain. Ini sesuatu yang mengecewakan.

Hanya dengan mendaftar baharu layak mengundi. Tetapi mendaftar sahaja tanpa pergi mengundi pada pilihan raya juga tidak bermakna. Suara anak muda hanya diambil kira jika diterjemahkan melalui kertas undi.

Sebelum ini banyak desakan agar had minimum umur layak mengundi diturunkan daripada 21 kepada 18 tahun. Kini setelah ia diluluskan, jangan cari pelbagai alasan lain untuk tidak mendaftar dan membuang undi.

Seringkali dikatakan anak muda hari ini sebagai pelapis pemimpin masa hadapan. Namun bagaimana hendak menonjolkan diri sebagai pemimpin jika mendaftar sebagai pemilih pun tidak mahu. Ini bukan ciri bakal pemimpin.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjera@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinalwilayahku@gmail.com

Hazirah Halim

hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

Taufik Mohd Pauze

kikywilayahku7@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Fariq Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran1010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatimah Mohd Amir
fatimah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

Nyaris terjerat labu peram

“KAU tak percaya aku?” tanya dia.

“Bukan tak percaya bang, tapi saya tak ada duit. Mana nak cekau RM100. Gaji saya pun hanya RM325.”

“Kau tak nak jadi macam aku?” katanya sambil menggentel-gentel kunci kereta. Saya tidak tahu pun kereta jenis apa daripada kunci itu.

Tidak pernah ambil tahu hal-hal kereta. Waktu itu tahun 1985 hendak makan pun tidak berapa cukup, tidak ada masa untuk ambil tahu hal kereta.

Hari itu sama seperti hari-hari sebelumnya. Dia memakai kot, tali leher diletak atas *briefcase* hitam di atas kerusi di tepinya. Nampak memang gaya orang kaya. Hisap rokok pun hanya sekerat kemudian ditenyeh dalam tempat abu.

Tetapi masih berasap. Kemudian dituangnya sedikit teh tarik dalam tempat abu itu.

“Aku tak paksa. Nak tolong saja. Nah, ini kad aku. Tapi aku selalu tak ada di pejabat,” kad namanya saya sambut dan tengok jawatannya – Pengurus Besar.

Umur dalam 40-an dan pertama kali jumpa dulu di warung Jalan Doraisamy. Sudah lupa entah macam mana dia boleh duduk di meja saya dan bercakap pasal pelaburan.

“Kerja tu kerja juga. Tapi nak harap gaji tak cukup. Peluang ada, kau kena fikir ubah masa depan,” dia seperti terus memujuk. Sejurus lepas meneguk teh tarik yang berbaki dia mengeluarkan duit kertas RM5.

Diletaknya atas meja warung mamak di belakang Hotel Merlin kemudian terus pergi. Dia menuju ke kereta merah yang tidak jauh dari tempat kami minum.

Tidak terus masuk dalam kereta, tetapi mengelilingi dulu kereta itu. Tidak tahu apakah yang dicari di sekeliling kereta itu. Selepas itu barulah masuk.

Kereta itu mengaum kuat dan bergerak. Selepas hilang di selekoh pun bunyi ngauman masih kedengaran.

Malam itu sebelum terlelap tawaran saham RM100 itu datang dan menerawang di fikiran. Saya pun berkira-kira sekali lagi tentang tawaran itu.

Kalau bagi RM200 dalam sebulan dapat RM600. Tersihir juga memikirkan duit sebanyak itu. Ada semacam kesal kerana tidak boleh melabur walaupun RM100.

Tetapi saya cepat-cepat memintas khayal yang semakin liar. Segera teringat pesanan



“YOU kena ingat, ini Kuala Lumpur bukan Kangar. Di sini banyak ‘conman’ yang hidup dengan jual air liur,” pesan bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Zainuddin Maidin (Zam) kepada penulis pada hari pertama melapor diri sebagai wartawan Utusan Malaysia pada 2 Januari 1984.

Ketua Pengarang Zainuddin Maidin (Zam) pada hari pertama melaporkan diri di ibu pejabat Utusan Melayu pada 2 Januari 1984. Saya percaya pesanan itu sangat jujur.

Daripada beliauah buat pertama kali saya mendengar istilah ‘conman.’ Selalu disebut ‘putar alam’ sahaja. Kata Zam, banyak ‘conman’ berkeliaran di Kuala Lumpur. Apabila saya terkejut seperti terkejut, Zam menekankan memang banyak orang yang baik-baik, tetapi terselit juga manusia jenis putar alam.

“You kena ingat, ini Kuala Lumpur bukan Kangar. Di sini banyak ‘conman’ yang hidup dengan jual air liur,” tegas Zam sambil merenung saya, budak kampung yang polos.

Saya mengangguk-angguk dan nasihat itu diterima bagi seorang anak daripada ayahnya.

Hari demi hari, bulan demi bulan saya mulai memahami nasihat yang diberikan Zam pada hari pertama langkah ke dunia kewartawanan.

Selepas setahun di Kuala Lumpur, memang benar kewujudan ‘putar alam’ yang berkeliaran mencari mangsa yang naif seperti saya.

Tetapi adakah individu yang memujuk saya melabur dalam saham itu putar alam? Saya yakin bukan. Tidak ada sebab untuk kita hendak curiga kepada orang yang tidak ada sesuatu yang mencurigakan? Tidak adillah untuk saya berprasangka orang baik sedemikian rupa hanya kerana adanya putar alam.

Maka ada sedikit kekesalan kerana tidak dapat merebut peluang mendapat pulangan besar dengan jumlah pelaburan yang

“Kerana hendak cepat kaya, banyak yang tersandar, terjelepek malah ada yang terencat ingatan apabila habis simpanan dilaburkan dalam labu peram.”

kecil.

Malah dia meyakinkan saya sudah beberapa kali menuai hasil pelaburan itu. Boleh jadi itulah rezeki untuk saya, tetapi tidak dapat menyambut kerana tidak ada duit.

Dalam pertemuan sebelum itu, katanya, salah satu bukti pelaburan itu ialah kereta yang dimilikinya. Dia berpaling ke arah kereta merah menyala yang tidak jauh dari tempat kami minum.

Kemudian sekali lagi dia menggentel kunci kereta, mungkin untuk menunjukkan jenisnya.

Dia menyebut beberapa nama termasuk yang saya kenal telah menerima pulangan paling kurang sekali.

Saya bertanya dengan mereka yang disebutkan. Memang benar mereka menerima pulangan dan sudah membuat pelaburan kedua dengan jumlah berkali ganda banyaknya.

Pengakuan saksi-saksi pelaburan itu agak menyakinkan saya yang individu itu bukan putar alam.

Dia mungkin menjadi mangsa keadaan yang secara kebetulan ada manusia putar alam. Maka saya pun memujuk diri, kalau ada rezeki tidak akan lari ke mana.

Tidak lama selepas itu, suatu petang ketika melepak di *Central Market* beberapa kawan di meja sebelah bercakap tentang

pelaburan.

Awalnya saya hanya mendengar tanpa menyampuk. Tetapi selepas mengeluh dan marah kerana agen pelaburan itu ‘hilang’, saya merapati mereka untuk mendengar dengan jelas.

Saya terus mendengar dengan tekun dan sedikit demi sedikit gambaran pelaku itu sama dengan yang saya alami.

Ini termasuklah perihal kereta *sport* merah yang ditayang kepada saya tidak lama dulu. Khabarnya sudah hampir sebulan mereka gagal mengesan agen pelaburan itu.

Mereka melabur sudah lebih dua bulan dan kalau diikutkan sudah menuai pulangan yang berlipat ganda. Habis segala duit simpanan dilaburkan.

Tetapi kehilangan agen itu membayangkan satu yang mencurigakan. Bukan sahaja tidak dapat pulangan, pelaburan pun ikut hanyut.

Saya bangkit meninggalkan mereka dan menuju ke pondok telefon terdekat. Saya mendail nombor yang tertera dalam kad nama yang diberikan tempoh hari. Tiga kali dail tidak dijawab. Kali keempat baru dijawab. Suaranya seorang wanita Cina daripada cara bercakapnya.

Tetapi apabila saya kata hendak bercakap dengan general manager, wanita Cina itu dengan suara terkejut berkata, “Lu mau bikin apa dengan itu

manager? Haiya... ini kedai ikan kering maa... mana ada *manager*. Gua tauke gua kuli.”

Tidak sampai seminggu selepas itu pecahlah berita di surat khabar mengenai labu peram. Unik namanya - labu peram.

Pertama kali saya mendengar tentang labu peram skim cepat kaya terawal yang muncul pada 1985.

Selepas itu hampir setiap hari surat khabar mendedahkan penipuan labu peram di seluruh negara.

Kerana hendak cepat kaya, banyak yang tersandar, terjelepek malah ada yang terencat ingatan apabila habis simpanan dilaburkan dalam labu peram.

Saya nyaris menjadi sebahagian daripada mereka. Selepas peristiwa itu saya seperti tidak sampai hati melihat keadaan kawan-kawan yang hendak cepat kaya tiba-tiba menjadi kayap dan merana. Labu yang diperam tidak pernah masak.



RUMAH KELUARGA MALAYSIA

Tiba-tiba riuh di halaman mereka bersorak entah aku pun tak mengerti setelah lasykar-lasykar itu mengerumuni kedamaian ranah leluhur ini

Rumah ini didirikan membumbungi kelukaan meneduhi roh silaturahmi

Rumah ini bumbungnya dari langit Tuhan tiang-tiangnya dari nirmala sukma lantainya dari kepahitan dan resah rakyat murba

Agar rumah ini bukan tempat singgahan politikus menabur kata-kata retorik sekadar kempen untuk membugar kuasa

Moga rumah ini didirikan dari batu asperasi kukuh untuk rakyat dari sebuah negara

Kita nipiskan rasa dan nafsu kita tebakkan intelektual dan ideologi baharu demi ranah ini terus sejahtera

Moga kita memiliki sedikit cinta diperkebunan mawar dan rumah rama-rama itu menari

Mamu MK Hasny
Anjung Karyawan Lekir
Sitiawan

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

Wilayah Ku

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



CCTV 'mata telinga pintar' DBKL

KE arah Kuala Lumpur Bandar Raya Sejahtera menjelang 2030, pemantauan daripada pelbagai aspek memang perlu, bukan sahaja menggunakan tenaga manusia tetapi juga dengan bantuan kemudahan teknologi.

Sehubungan itu Adi menyambut baik langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memasang 5,000 kamera litar tertutup (CCTV) di semua kawasan strategik bagi memantau keadaan trafik dan aset miliknya.

Memetik Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, pemasangan CCTV akan dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa pertama melibatkan 3,000 unit CCTV dengan matlamat pemantauan trafik, taman-taman dan pasar awam seluruh bandar raya.

Dalam fasa kedua, sebanyak 2,000 unit CCTV akan dipasang bagi kegunaan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan DBKL bagi pemantauan jenayah. Projek ini dijangka siap sepenuhnya hujung tahun ini.

Adi melihat usaha DBKL ini akan banyak membantu menangani masalah utama di bandar raya seperti jenayah, lalu lintas dan vandalisme. CCTV akan merakam segala aktiviti di lokasi dan membolehkan tindakan segera diambil.

Misalnya pusat kawalan CCTV yang sekarang dijenamakan semula sebagai Kuala Lumpur Control and Command Centre (KLCCC) akan merakam kesesakan lalu lintas. Tindakan mengawal dan menyuraukan kesesakan di jalan-jalan tertentu boleh dilakukan segera oleh polis atau trafik warden DBKL.

Malah ia juga boleh memantau kerosakan jalan, tanda jalan yang sudah pudar, jalan berlubang, tumpahan simen, kerosakan lampu jalan dan lampu isyarat, pokok tumbang dan sebagainya. Juga boleh memantau kegiatan penjaja haram.

Kerana itu Adi melihat pemasangan CCTV ini bermanfaat dan sangat diperlukan dalam sebuah bandar besar yang sibuk seperti Kuala Lumpur yang saban hari berdepan dengan pelbagai masalah dan karenah warganya.

Pemasangan CCTV adalah ciri penting bandar raya moden dan telah dilaksanakan di banyak bandar raya besar seluruh dunia. Kuala Lumpur boleh berbangga kerana tidak ketinggalan dalam aspek ini.

Pemasangan CCTV ini akan menjadi 'mata telinga pintar' untuk DBKL menjalankan kerja-kerja pemantauan, pencegahan, penguatkuasaan serta penyenggaraan di bandar raya.

Adi berharap pemasangannya



SHAHIDAN melawat Kuala Lumpur Control and Command Centre (KLCCC) yang membantu merakam kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

akan menjadikan warga Kuala Lumpur lebih berdisiplin dan mematuhi undang-undang kerana banyak aktiviti mereka akan terakam. Lakukan jenayah atau vandalisme, wajah akan dikenal pasti. Tunggu sahaja tindakan menyusul.

Adi — Guna kamera telefon

DINE-IN: AWAS, JANGAN HISAP ROKOK!

KEBENARAN makan di dalam premis atau *dine-in* setelah sekian lama terhenti kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan ramai leka bahawa larangan merokok di premis makan masih berkuat kuasa. Premis merangkumi yang tertutup atau terbuka, seperti restoran, kawasan Rawat dan Rehat (R&R), kantin, gerai atau warung.

Kerana itu apabila *dine-in* dibenarkan, didapati ada pelanggan sambil menjamu selera dengan suka hati menghisap rokok seolah-olah larangan berkenaan sudah ditarik balik. Pastinya

ini termasuk di Wilayah Persekutuan.

Mereka berandaian seiring dengan kebenaran *dine-in*, menghisap rokok dalam premis juga dibenarkan. Nampaknya setelah sekian lama terkurung kerana PKP, ramai lupa, sama ada benar-benar lupa atau buat-buat lupa.

Kerana itu Adi ingin ingatkan larangan merokok di premis makanan masih berkuat kuasa, selaras dengan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 pindaan 2018. Ia berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020 di semua premis makanan.

Adi ucapkan tahniah kepada Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, yang memberi respons pantas berhubung isu menghisap rokok di premis makan ini ekoran luahan seorang pengguna *Twitter* yang tidak senang hati dengan sikap pengunjung bebas merokok dalam premis.

Pengguna *Twitter* ini meminta Khairy meningkatkan pematuan larangan merokok di kedai makan. Katanya ini kerana

“Adi melihat usaha DBKL ini akan banyak membantu menangani masalah utama di bandar raya seperti jenayah, lalu lintas dan vandalisme. CCTV akan merakam segala aktiviti di lokasi dan membolehkan tindakan segera diambil.

semakin ramai menghisap rokok dalam kedai seolah-olah larangan sudah dihapuskan.

Khairy dalam *Twitter* balasannya pada 21 Oktober memaklumkan beliau telah pun mengarahkan agar larangan merokok di premis makan ditingkatkan melalui pekeliling bertarikh 20 Oktober.

Beliau sendiri bersetuju dengan larangan ini yang dilaksanakan ketika Dr Zulkifli Ahmad menjadi Menteri Kesihatan pada era pemerintahan Pakatan Harapan (PH) dahulu dan menyifatkannya sebagai satu dasar yang bagus.

Namun mungkin kerana orang ramai sudah mula lupa atau ambil ringan, dan pemilik premis makanan pula tidak bertindak serius menghalang pelanggan menghisap rokok, pelanggan semakin berani berbuat demikian tanpa segen silu kepada orang sekeliling.

Adi percaya peringatan yang dikeluarkan oleh Khairy mampu menyegarkan kembali minda bahawa larangan merokok masih berkuat kuasa dan jangan cuba melanggarnya.

Pada masa sama ia harus menjadi peringatan kepada pemilik premis makan agar jangan cuba mengabaikan tanggungjawab mereka menghalang pelanggan merokok. Selain mempamerkan larangan merokok dengan jelas, tidak boleh menyediakan kemudahan merokok seperti bekas abu rokok, perkhidmatan menjual shisha serta lain-lain kemudahan merokok.

Sambil memantau pematuan kepada SOP di premis makanan dan mendenda mereka yang tidak mematuhi, bolehlah dibuat sekali jalan kepada pelanggan yang merokok. Jika pelanggan gagal mematuhi SOP dan pada masa sama merokok dalam premis, sedialah hadapi denda berganda.

Kompaun yang dikenakan bagi kesalahan kali pertama menghisap rokok ialah RM250 dengan tawaran pengurangan kepada RM150 jika dibayar dalam sebulan. Kesalahan kali kedua juga RM250 tetapi tanpa pengurangan. Kesalahan ketiga denda RM350.

Pemilik premis yang membenarkan pelanggan menghisap rokok berdepan denda RM250 masing-masing

untuk kesalahan pertama dan kedua serta RM350 untuk kesalahan ketiga. Tiada sebarang pengurangan ditawarkan.

Adi harap difahami dan dihayati kenapa larangan ini dikuatkuasa. Terasnya ialah kesihatan. Premis-premis makan turut dikunjungi oleh bukan perokok. Tidak adil mereka terpaksa menerima gangguan dan tempas kepulan asap rokok ketika makan. Mereka bukan sahaja tidak selesa tetapi boleh menjadi marah.

Adi masih ingat, sewaktu larangan ini hendak dikuatkuasakan dahulu pun mendapat bantahan keras, tentunya daripada golongan perokok. Bagi mereka, merokok adalah hak. Tetapi jangan lupa orang yang tidak merokok juga mempunyai hak kepada udara dan persekitaran bersih.

Kerana itu Adi menggesa para pemilik restoran dan kedai makan bantulah kerajaan menguatkuasa larangan merokok ini. Jika pemilik premis sendiri bersekongkol, tindakan tegas mesti diambil terhadap mereka.

Jangan bimbang kehilangan pelanggan kerana merokok tidak dibenarkan. Malah sebenarnya lebih ramai akan datang makan kerana sukakan persekitaran bersih dan udara segar tidak tercemar oleh asap rokok.

Kepada perokok tegar, sematkan larangan ini dalam hati. Syukur sudah boleh *dine-in*, tidak perlulah hisap rokok. Hisaplah di rumah atau tempat yang dikecuali daripada larangan. Tetapi lagi elok jika berhenti merokok kerana merokok itu membahayakan kesihatan!

Adi — Bukan perokok

- Adi Tuah

Adi Tuah

SKETSA



SAJAK

NILA

Kalau aku setitik nila akanku mengasingkan diri daripada belanga susu kerana tidak inginku terjerat sengketa penyebab binasa.

Adalah lebih baik setitik jasadku diarahkan atas batik di mata UNESCO akulah seni meronakan warisan!

Lim Wei Wen
Melaka

Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota Bazar Kreatif diteruskan

Tiket taman tema percuma disediakan

AINI MAWAWI

PROGRAM Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota kembali diteruskan seperti biasa bermula November ini se-jurus kawasan Lembah Klang iaitu Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor beralih dari Fasa 3 kepada Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) baru-baru ini.

Walaubagaimanapun, program pengalakan usahawan muda kota yang bertempat di Tingkat 4, Berjaya Times Square Kuala Lumpur ini dijenamakan semula dan dikenali sebagai Program Usahawan Muda Kota Bazar Kreatif.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Datuk Zaizalnizam Zainun**, selain barangan makanan, kelengkapan diri, hiasan dan sebagainya, kali ini peniaga turut memasarkan produk seni jahitan.

“Pada April lalu, Kementerian



SALAH seorang kakitangan YWP memberi taklimat kepada peniaga di tapak bazar Berjaya Times Square baru-baru ini.

Wilayah Persekutuan (KWP) memilih seramai 50 peserta daripada Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) untuk menyertai program Seni Jahitan Kreatif.

“Dengan adanya mereka ini di Berjaya Times Square, maka jualan akan lebih kreatif serta pelbagai antaranya beg, bekas tisu, pelitup muka jenis kain dan bekas pelitup muka,” ujar beliau.

Tambah beliau lagi, bagi menyemarakkan kunjungan pembeli di tapak tersebut, pihak pengurusan bersetuju memberikan satu tiket Taman Tema Berjaya Times Square secara percuma kepada pengunjung.

“Pelanggan yang membeli-belah minimum RM50 di tapak bazar layak menerima satu tiket percuma untuk memasuki taman tema tersebut,” kata beliau kepada



PESERTA mengisi borang permohonan pada sesi program.

Wilayahku.

Mengulas lanjut tentang usahawan muda kota, Zaizalnizam berharap kesemua peserta menggunakan sebaik mungkin peluang yang diberi untuk menjana kembali ekonomi sekali gus meningkatkan taraf kehidupan.

“Kebanyakan daripada peniaga adalah mereka yang kehilangan mata pencarian ekoran ketidakstabilan ekonomi global akibat pandemik wabak COVID-19,” ujar

beliau.

Dalam masa sama, bagi meringankan beban mereka terlibat (usahawan muda kota), pihak pengurusan bersetuju memberikan pengecualian sewa selama enam bulan bermula November hingga Mei tahun hadapan.

Terdahulu, inisiatif Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota dirangka bersama YWP, DBKL, KWP dan Perbadanan Putrajaya (PPj). **W K**

AstraZeneca, Hospitals Beyond Boundaries jalin kerjasama

SYARIKAT farmaseutikal global yang berpandukan sains, AstraZeneca, melancarkan Program Kesihatan Remaja atau *Young Health Programme* menerusi jalinan kerjasama dengan Hospitals Beyond Boundaries (HBB).

Program yang memberi tumpuan kepada golongan belia dan pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD) diperkenalkan sempena Ulang Tahun ke-40 AstraZeneca di Malaysia.

Malah, ia dilancarkan pada Hari Kesihatan Mental Sedunia menerusi pengajuran program rintis yang menasaskan penduduk remaja di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Pantai, Kuala Lumpur.

Mengulas mengenai pelancaran, Pengarah Negara, AstraZeneca Malaysia **Dr Sanjeev Panchal** berkata, pihaknya amat berbesar hati kerana dapat berganding tenaga dengan Hospitals Beyond Boundaries bagi menjayakan program berkenaan.

“Mereka (HBB) telah melaksanakan pelbagai usaha yang mengagumkan di Malaysia dan rantau ini bagi meningkatkan kesihatan ahli masyarakat yang paling daif.

“Golongan muda juga kekal sebagai kumpulan yang paling mudah terkesan dari aspek kesihatan mental malah kesejahteraan mereka terjejas ekoran pengasingan diri dan ketidakhadiran di sekolah disebabkan penguatkuasaan kawalan pergerakan,” katanya dalam kenyataan.

Bagi pengasas bersama yang juga Ketua Pegawai Eksekutif HBB, Dr Wan Abdul Hannan Wan Ibadullah, pelaksanaan program seumpama itu amat dialu-alukan kerana secara keseluruhannya, kesihatan mental di Malaysia sering tidak diendahkan dan ia turut berlaku dalam kalangan kelompok remaja.



SALAH seorang peserta menerima kit kesihatan mental yang mengandungi maklumat berkenaan kesihatan mental dan alatan bagi aktiviti senaman serta perkebunan.

“Menerusi kerjasama dengan AstraZeneca, kami berharap dapat mencapai impak positif berterusan yang akan memperbaiki kehidupan ramai pihak,” jelasnya.

Hadir sama dalam program itu, Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Seri Pantai, Tursiah Tino.

Majlis berkenaan turut menerima sokongan Pegawai Tugas-Tugas Khas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Ramlan Askolani dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Terdahulu, 200 kit kesihatan mental yang mengandungi maklumat berkenaan kesihatan mental dan alatan bagi aktiviti

senaman serta perkebunan bagi menggalakkan kesejahteraan mental, diagihkan kepada penduduk terlibat.

Young Health Programme oleh AstraZeneca adalah program global yang kini diperkenalkan di Malaysia bagi memberi fokus kepada kesihatan mental dan kesejahteraan golongan belia berusia antara 10 hingga 24 tahun.

Di peringkat global pula, program yang dilancarkan pada 2010 itu berjaya mencapai lebih 5 juta belia di 30 negara selain diiktiraf Ethical Corporate apabila dinamakan Program Pelaburan Komuniti Terbaik di Anugerah Perniagaan Bertanggungjawab pada 2018. **W K**

PriVo bakal cipta rekod Malaysia

HAZIRAH HALIM

SUKARELAWAN Wilayah Prihatin atau lebih dikenali *Prihatin Volunteer* (PriVo) bakal mencipta dua rekod terbesar yang akan dimasukkan ke dalam *The Malaysia Book of Records* (MBOR).

Menurut Pengarah Eksekutif Rumah Prihatin, **Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Napiah**, PriVo akan menghasilkan rekod terbesar dalam dua buah pengajuran acara iaitu susunan kereta terpanjang dan bendera Jalur Gemilang terbanyak di atas kenderaan.

“Rekod *longest car assemble in a straight line in an event* dan *Most Jalur Gemilang flag on top of car in an event* akan dilaksanakan dengan berkonsepkan keluarga Malaysia.

“Acara akan berlangsung pada Disember ini dan turut mendapat kerjasama daripada Perbadanan Putrajaya (PPj),” katanya kepada *Wilayahku*.

Menurutnya, persiapan program sedang dilaksanakan dan maklumat lanjut mengenai program akan diberitahu kelak. **W K**



MOHD IRWAN



alamanda
SHOPPING CENTRE

**1-YEAR
FREE
SHOPPING**



29 Oktober – 21 November 2021

Menangi baucer membeli-belah percuma selama setahun bernilai RM12,000 setiap hari!

Belanja RM300 dan ke atas tidak melebihi 2 resit di kedai-kedai terpilih untuk berpeluang memenangi baucer membeli-belah sebanyak RM12,000** atau menangi baucer saquhati bernilai sehingga RM50.*



Istimewa untuk Kakitangan Kerajaan

Dapatkan alas meja eksklusif sebagai tambahan selain daripada baucer membeli-belah.*

*Terma dan syarat terpakai. Sementara stok masih ada. Imej yang dipaparkan adalah ilustrasi semata-mata.

****Terhad kepada 1 pemenang setiap hari.**

Untuk informasi lanjut, kunjungi Kaunter Concierge kami atau hubungi +603-8888 8882

Sertai kami di   AlamandaShoppingCentre  www.alamanda.com.my



Menjelang sambutan 50 tahun Bandar raya Kuala Lumpur Dirgahayu selamanya



AZLAN ZAMBRY

SEKIRANYA anda mencari tempat menarik bagi merakamkan foto yang sempurna untuk dimuat naik ke Instagram atau Facebook, anda harus berkunjung ke beberapa bangunan bersejarah di sekitar Dataran Merdeka yang dilimpahi cahaya pada setiap malam.

Bangunan bersejarah yang berada di sekitar Dataran Merdeka itu sering menjadi lokasi kepada pelancong dalam dan luar negara itu akan diwarnai dengan lampu hiasan bagi meraikan ulang tahun perisytiharan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang akan disambut pada tanggal 1 Februari 2022 ini.

SUTAN PUASA PENGASAS KL

SEJARAH panjang pembukaan Kuala Lumpur telah diasaskan Sutan Puasa, seorang pedagang dari Mandailing pada abad ke-19 sewaktu kebangkitan industri perlombongan bijih timah dan ia terus berkembang pesat pada awal abad ke-20 selari dengan perkembangan ladang getah di Selangor.

Kuala Lumpur kemudian menjadi ibu negeri Selangor serta Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896. Ia kemudian menjadi ibu negeri kepada Malayan Union yang kemudian dipanggil Malaya dan hari ini dikenali sebagai Malaysia.

Latar sejarah yang dirintis



setiap garis masa menjadi karakter kepada bandar raya ini yang turut menjadi saksi laungan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 oleh Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman. Di sebalik itu, Kuala Lumpur turut mencatatkan detik hitam ekor ketegangan politik yang membawa kepada rusuhan kaum yang berlaku pada tahun 1969.

Kuala Lumpur kemudian diberi status bandar raya pada 1 Februari 1972 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah yang kemudian menyaksikan Allahyarham Tan Sri Lokman Yusof dilantik sebagai Datuk Bandar pertamanya.

Pengurniaan taraf bandar raya ini disebabkan perkembangan dan kemajuan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Persekutuan. Sekali lagi pada tanggal 1 Februari 1974, Kuala Lumpur berpisah daripada Selangor dan bandar raya ini kekal menjadi Wilayah Persekutuan sehingga hari ini.

Dalam tempoh 50 tahun Kuala Lumpur sebagai bandar raya, sudah pasti banyak perkara

pahit dan manis dirakamkan. Dari kawasan berlembah, Kuala Lumpur telah berjaya membangunkan menara berkembar Petronas dan pelbagai bangunan pencakar langit yang lain sekali gus ia berada di landasan yang betul ke arah negara maju. Ia juga menjadi tumpuan seluruh masyarakat yang berhijrah dari desa untuk mencari rezeki dan seterusnya merencanakan lagi pembangunannya.

KL KITA PUNYA

SEMPENA sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur yang akan diraikan pada Februari tahun hadapan, pelbagai aktiviti telah dirancang dan ada yang telah pun mula dilaksanakan sejak penghujung tahun lepas lagi. Sebanyak 50 aktiviti dan program menarik yang menampilkan acara seni dan persembahan, sukan serta aktiviti luar akan dilaksanakan sepanjang sambutan 50 tahun bandar raya Kuala Lumpur pada tahun 2022.

Sambutan ini diadakan bagi memupuk rasa kesedaran dan sifat kesepunyaan (*Sense of Belonging*) warga kota terhadap bandar raya Kuala Lumpur melalui penglibatan yang lebih meluas dalam program dan aktiviti sambutan.

Sempena pelancaran Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur pada Ahad, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, turut melancarkan Logo, Slogan dan Maskot yang akan diguna pakai sepanjang tempoh sambutan dilaksanakan.

Mengangkat slogan Dirgahayu

Kuala Lumpur, ia membawa maksud panjang umur dan ia merupakan satu doa semoga bandar raya Kuala Lumpur terus makmur dan sejahtera.

Logo sambutan ini yang digandingkan bersama logo DBKL melambangkan keselantaran bandar raya Kuala Lumpur dengan DBKL. Evolusi pembangunan Kuala Lumpur digambarkan melalui reka bentuk bangunan Stesen KTM sebagai antara bangunan paling awal di Kuala Lumpur, berkembang pesat sehingga berdirinya Menara Berkembar Petronas sebagai mercu tanda Kuala Lumpur yang ikonik.

Maskot rasmi sambutan ini merupakan manifestasi Sungai Gombak dan Sungai Klang yang menjadi titik permulaan Kuala Lumpur. Pada pertemuan dua sungai ini, ia telah menjadi saksi pembangunan Kuala Lumpur. Maskot ini digambarkan sebagai mesra dan berkeyakinan

menggambarkan sifat dan semangat warga kota untuk terus maju ke hadapan mengharungi cabaran urbanisasi. **W K**

“Pengurniaan taraf bandar raya ini disebabkan perkembangan dan kemajuan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Persekutuan. Sekali lagi pada tanggal 1 Februari 1974, Kuala Lumpur berpisah daripada Selangor dan bandar raya ini kekal menjadi Wilayah Persekutuan sehingga hari ini.

BIL	ACARA SEMPENA 50 TAHUN KUALA LUMPUR		
1.	MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN JUBLI EMAS BANDAR RAYA KUALA LUMPUR	24 OKTOBER 2021	MAYOR'S COURTYARD, JALAN TANGSI, KUALA LUMPUR
2.	LARIAN VIRTUAL PELANCARAN SAMBUTAN JUBLI EMAS BANDAR RAYA KUALA LUMPUR	25 OKTOBER – 7 NOVEMBER 2021	
3.	PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL KUALA LUMPUR	1 – 30 NOVEMBER 2021	
4.	SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 BANDAR RAYA KUALA LUMPUR	1 FEBRUARI 2022	DATARAN MERDEKA
5.	FESTIVAL GENDANG DAN TARI KUALA LUMPUR	1 FEBRUARI 2022	DATARAN MERDEKA
6.	KARNIVAL OHHH! KUALA LUMPUR	25-27 FEBRUARI 2022	DATARAN MERDEKA
7.	FESTIVAL NOSTALGIA KUALA LUMPUR – KL DULU	11-13 MAC 2022	DATARAN MERDEKA
8.	FESTIVAL JOM MAKAN!	11-13 MAC 2022	DATARAN MERDEKA
9.	PERTANDINGAN MEMANAH PIALA DATUK BANDAR KUALA LUMPUR TITIWANGSA	18-20 MAC 2022	TAMANTASIK
10.	PERTANDINGAN EKUESTRIAN KUALA LUMPUR	18-20 MAC 2022	TAMANTASIK TITIWANGSA
11.	KAYUHAN JUBLI EMAS KUALA LUMPUR	26 MAC 2022 11	PARLIMEN
12.	IFTAR PERDANA DAN MALAM TUJUH LIKUR	23 APRIL 2022	DATARAN MERDEKA
13.	PEMENTASAN TEATER KUALA LUMPUR	10-12 JUN 2022	PANGGUNG BANDARAYA
14.	PERTANDINGAN FOTOGRAFI DAN VIDEOGRAFI	JUN 2022	KUALA LUMPUR

BIL	PENCAHAYAAN SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS KUALA LUMPUR	
1.	PROGRAM PENCAHAYAAN	DATARAN MERDEKA, JALAN RAJA, JALAN RAJA LAUT.
2.	ARCA SAMBUTAN JUBLI EMAS BANDAR RAYA KUALA LUMPUR	BULATAN DATO'ONN
3.	LUKISAN MURAL KOMUNITI	JALAN RAJA CHULAN
4.	TRAIL MARKER DAN STICKER	SEKITAR DATARAN MERDEKA



Pembaca boleh imbas QR code untuk tonton video berkenaan

Tekad teruskan kecemerlangan KL Turun padang selami aspirasi rakyat

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertekad untuk meneruskan kecemerlangan bandar raya Kuala Lumpur dalam pelbagai bidang untuk masa hadapan sempena sambutan Jubli Emas Kuala Lumpur di ibu negara pada Ahad.

Hadir sama, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Shahidan berkata, sejak dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan, beliau telah menerapkan budaya turun padang dalam kalangan pegawai dan warga kerja kementerian dan agensi termasuk menganjurkan sesi libat urus bersama dengan masyarakat serta pemegang taruh.

“Banyak input dan maklum balas yang diperolehi hasil daripada turun padang dan sesi libat urus ini dan masih ada ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi memastikan warga kota Kuala Lumpur dapat menikmati kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.

“Kami akan terus melibatkan diri dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti peniaga kecil, ketua masyarakat, penghantar makanan dan gelandangan.

“Banyak input berharga boleh diperolehi dengan terus melibatkan diri dengan mereka dan membolehkan kami merangka cara untuk

meningkatkan kualiti hidup warga kota,” katanya.

Bercakap mengenai sambutan Jubli Emas Kuala Lumpur, Shahidan berharap agar program ini dapat memupuk perpaduan dalam kalangan penduduk di ibu kota.

“Sejak wabak COVID-19 melanda awal tahun lalu, banyak program di bandar ini terpaksa ditangguhkan bagi mengehadkan risiko jangkitan.

“Sekarang bandar ini telah beralih ke Fasa Empat Pelan Pemulihan Nasional (PPN) dan inilah masanya kita gandakan usaha untuk melestarikan semula bandar raya Kuala Lumpur secara bijaksana,” katanya.

Beliau turut berkongsi aspirasi untuk menjadikan bandar raya ini sebagai bandar selamat dan selesa untuk kehidupan warga kota.

“Baru-baru ini, saya telah merasmikan Kuala Lumpur Control and Command Centre (KLCCC), Bukit Jalil yang turut berperanan untuk mengawal selia pengurusan lalu lintas, termasuk aspek keselamatan, kesejahteraan dan keselesaan warga kota menerusi 5,000 buah CCTV di sekitar Kuala Lumpur.

“Malah usaha ini turut diperluaskan ke kawasan-kawasan awam seperti pemasangan 42 unit panic button di taman awam dan boleh menggunakan fasiliti ini sekiranya berlaku kecemasan ketika beriadah,” katanya.

SHAHIDAN (tengah)
ketika Majlis
Pelancaran Pra
Sambutan Jubli Emas
Kuala Lumpur pada
Ahad lalu.



Wilayahku terbit buku KL 5 dekad ke hadapan

AKHBAR Mingguan Wilayahku akan menerbitkan buku khas sempena sambutan 50 tahun Jubli Emas Kuala Lumpur pada 1 Februari 2022.

Penerbitan buku ini melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perpustakaan Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara, Pusat Sumber DBKL dan Unit Promosi dan Fotografi DBKL.

Menurut Pengurus Besar Wilayahku, **Azlan Abdul Aziz** buku bertajuk ‘Kuala Lumpur lima dekad ke hadapan’ sedang

dalam proses suntingan oleh pihak editorial Wilayahku.

“Pengarang Kanan Wilayahku, Helme Hanafi bersama pasukannya sedang menyusun semula semua dokumen-dokumen penting 50 tahun Kuala Lumpur, termasuk gambar-gambar lama Kuala Lumpur yang belum pernah disiarkan dan tersimpan di Unit Promosi dan Fotografi DBKL.

“Buku ‘pictorial book’ ini akan mengandungi tulisan beberapa tokoh akademik terkemuka negara termasuk mendiang Profesor Emeritus

BUKU yang diterbitkan merangkumi kronologi penting 50 tahun Kuala Lumpur.



Tan Sri Datuk Dr Khoo Kay Kim dan Prof Dr Azmi Hassan yang mengupas geopolitik Kuala Lumpur untuk lima dekad akan datang.

“Tulisan mendiang Dr Khoo Kay Kim mengenai sejarah Kuala Lumpur disunting semula daripada catatan beliau mengenai perkara tersebut

dalam satu buku terbitan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada tahun 1987.

“Manakala tulisan Dr. Azmi adalah pandangan terkini beliau terhadap masa hadapan Kuala Lumpur untuk lima dekad akan datang,” ujarinya.

Selain itu, buku tersebut turut merangkumi kronologi penting 50 tahun KL daripada tahun 1972 sehingga 2022 yang sebahagiannya didapati daripada laporan tahunan DBKL yang disimpan di Pusat Sumber DBKL, Jalan Bonus, Kuala Lumpur.

Mengikut perancangan buku ini akan dilancarkan bersama dengan Sambutan Jubli Emas Kuala Lumpur pada 1 Februari 2022.



AZLAN



Kuala Lumpur, kisah penempatan di antara dua tebing Daripada pekan kecil menjadi bandar raya



AMIN FARID HASAN

BAGI memperingati ulang tahun ke-50 pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai bandar raya pertama di Malaysia pada 1972, Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** telah merasmikan Pelancaran Sambutan Jubli Emas bagi memupuk kesedaran warga kota terhadap bandar raya Kuala Lumpur melalui penglibatan dalam program dan aktiviti sambutan.

50 program dan aktiviti telah diatur untuk disertai

oleh warga kota, yang bertujuan menjalinkan hubungan erat dan lebih inklusif antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), masyarakat khususnya warga kota, antaranya adalah Pertandingan Menulis Artikel Kuala Lumpur, Karnival Ohhh Kuala Lumpur, Festival Nostalgia Kuala Lumpur-KL Dulu, Festival Jom Makan juga Festival Gendang dan Tari Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Shahidan Kassim juga turut melancarkan logo, slogan dan maskot bagi sambutan berkenaan sempena genap 100 hari menjelang 1 Februari 2022. Dirgahayu Kuala Lumpur. **W K**





Berjinak dengan ilmu



AMIN FARUQ HASAN

PADA 26 Oktober lalu bertempat di Auditorium Menara 1 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), telah berlangsungnya Majlis Ilmu Program Bicara Tokoh Ilmuan Agama yang disampaikan oleh Mufti negeri Perlis yang juga Penceramah, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim turut hadir dalam Majlis Ilmu dengan tajuk “Doa Mustajab Menurut Sunnah” anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang turut disiarkan secara langsung menerusi laman media sosial Facebook milik KWP.

Menurut Shahidan, idea inisiatif Majlis Ilmu ini diadakan bagi menyemai rasa cinta terhadap ilmu agar

masyarakat akan berjinak dengan ilmu dan menghayati serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Pendek kata, antara saham terakhir sebuah kehidupan adalah ilmu bermanfaat yang ditinggal selepas kematian. Cari dan kembangkanlah ilmu yang bermanfaat demi kemaslahatan ummah. **W K**

BERITA PENUH DI MUKA 4



MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menyampaikan ucapan perasmian dalam Majlis Ilmu KWP.



MUFTI Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin menyampaikan ceramah yang bertajuk “Doa Mustajab Mengikut Sunnah”.



ANTARA sebahagian tetamu yang hadir dalam Majlis Ilmu anjuran KWP.



Mengalami kemurungan... “Takut hingga boleh nangis” – Scha Elinnea



DEEL ANJER

ANTARA penyakit mental yang sering kita dengar adalah kemurungan atau depresi. Ia merupakan kecelaruan mental yang paling mudah dihidap manusia pascamoden.

Begitulah yang dialami pelakon Scha Elinnea yang mengaku pernah bertemu pakar psikiatri. Malah sejak Jun lalu, Scha harus memastikan temu janji dengan doktor setiap minggu dipenuhi.

Scha Elinnea atau nama sebenarnya **Natasha Mohamed Mubeen**, 22, yang mengalami

kemurungan teruk menjelaskan, dirinya tidak mampu berselindung lagi tentang penyakit mental yang dialami.

“Memang sudah lama saya berdepan situasi ini, ditambah dengan situasi semasa pandemik yang membuatkan saya banyak berfikir bukan-bukan.

“Sebelumnya masih terkawal, hanya kebelakangan ini, ia menjadi agak teruk sehingga sukar tidur.

“Saya sampai tahap rasa takut dan cemas apabila berjumpa ramai orang. Malah lebih membimbangkan, kalau saya duduk seorang diri, perasaan bimbang itu menjadi-jadi. Takut hingga boleh nangis bersendirian,” katanya yang

tinggal sendirian.

Risau dengan keadaan dirinya, Scha meminta teman baik menemani dan tidur di rumahnya.

Bukan itu sahaja, Scha juga terpaksa mengambil ubat penenang apabila ada sesi penggambaran.

“Saya memang kena makan ubat yang disarankan doktor mengikut tetapan masa setiap hari. Kalau tertinggal, dibimbangi perkara sebaliknya boleh berlaku.

“Memang selama ini saya rahsiakan sakit yang dialami. Saya cuba nampak kuat, walaupun hakikatnya berperang dengan kesakitan dalam.

“Cuma lama kelamaan saya rasa

tak boleh simpan dan pendam lagi.

Saya harus jujur dan maklumkan masalah ini. Bagaimanapun pendedahan ini bukan untuk membebaskan sesiapa,” katanya yang akan menjalani penggambaran di Korea untuk sebuah program TV3.

Antara drama lain lakonan Scha Elinnea sebelum ini ialah *Sitik Tok*, *Mr Grey*, *Cik Green & Encik Ngok Ngek*, *Nasi Kerabu Untuk Che Abe*, *Perempuan Tanpa Dosa* dan banyak lagi.

W K



SCHA ELINNEA

Rahim Maarof dedah rahsia awet muda

TIDAK terbawa-bawa dengan masalah yang dialami dan sentiasa berfikir positif antara rahsia awet muda penyanyi lagenda **Rahim Maarof**, 66.

Katanya, hati yang tenang dan sentiasa mengawal stres juga antara amalannya dari dulu sehingga sekarang.

“Alhamdulillah saya sihat. Sentiasa amalkan jaga kesihatan mental. Stres itu biasalah semua orang akan tempuh tanpa sengaja, tapi kita kena selesaikan dengan tenang.

“Selain itu, dulu saya suka berbasikal tapi sekarang tidak lagi. Saya hanya buat senaman biasa. Ini penting untuk kesihatan fizikal,” katanya yang popular dengan lagu *Cinta Kristal*, *Usang*, *Istana Menanti*, *Layang-Layang*, *Demi Cinta Kita* dan

banyak lagi.

Rahim Maarof juga menyatakan beliau melakukan perubahan yang besar dalam hidup apabila tekad untuk berhenti merokok.


Walaupun tidak mudah perokok tegar sepertinya, namun berbaloi dan memberi kesan positif kepada diri.

“Saya dah berhenti merokok sejak tiga tahun lalu akibat batuk teruk selepas konsert dengan Man Bai dan beberapa artis lain pada 2018. Ketika itu saya meminta rokok daripada Allahyarham Kelly. Itulah yang terakhir saya menghisap rokok. Jelasnya ketika ditemui pada sidang media Konsert Rockestra Nostalgia di Mayor’s Courtyard, Biro Pelancongan DBKL, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Rahim Maarof antara penyanyi yang menjayakan Konsert Rockestra Noltagia pada 30 Oktober di Panggung Anniversari, Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur.

Penyanyi-penyanyi lain yang terlibat ialah Ito Blues Gang, Man Bai, Ruhil Amani, Rahmat Mega dan Asheed Def Gab C.

Konsert percuma ini diiringi 45 Pemuzik Orkestra Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan hanya dibuka kepada 250 penonton terawal.



RAHIM MAAROF

Hafiz Hamidun pasrah putus cinta disebabkan COVID-19

PANDEMIK COVID-19 bukan sahaja memberi kesan kepada ekonomi dan mental seseorang, malah turut menjejaskan hubungan pasangan yang sedang bercinta.

Begitulah yang berlaku kepada komposer dan penyanyi nasyid, **Hafiz Hamidun** yang pasrah dan akur apabila ikatan cintanya dengan selebriti Indonesia terlerai akhirnya.

Hafiz berkata, hubungan mereka tidak dapat diteruskan kerana kesukaran untuk memberi komitmen disebabkan hubungan jarak jauh selain dugaan pandemik COVID-19 serta komunikasi yang terbatas.

Walaupun agak kecewa dengan apa yang berlaku, Hafiz tidak pernah sesekali serik untuk berkahwin lagi.

“Sekiranya ada jodoh nanti, apa yang lebih penting wanita itu bukan sahaja dapat menerima diri saya, tetapi juga anak angkat saya, Hamdee,” jelasnya lagi. katanya ketika sesi sidang media secara maya

pelancaran album penuh Zikir Terapi Diri, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Hafiz mengumumkan kemunculan album penuh studio ke sembilan beliau, *Zikir Terapi Acapella*, menerusi Arteffects dan Universal Music Malaysia, syarikat muzik utama tanah air.

Album terbaharu ini merupakan kesinambungan daripada kejayaan album beliau *Zikir Terapi Diri* pada tahun 2011.

Album fizikal *Zikir Terapi Diri* telah terjual melebihi 1.5 juta unit di seluruh dunia dan mencatatkan lebih 100 juta tontonan di YouTube.



HAFIZ

Menariknya, ini merupakan antara album yang paling berjaya pernah diterbitkan di Malaysia.

Setelah 10 tahun album tersebut diterbitkan, Hafiz mengambil keputusan untuk kembali ke studio dan merakamkan versi acapella album tersebut.

Album ini sangat luar biasa kerana ia tetap diterbitkan meskipun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selain diterbitkan secara maya, Hafiz terpaksa bekerja dari jarak jauh bersama jururakam bunyi berikutan keterbatasan dan kekangan operasi.

Walaubagaimanapun, mengambil kira penggunaan teknologi sepenuhnya di dalam pembikinan album ini, ia telah sempurna dirakam, diadun dan melalui proses mastering selama sebulan.

Bersama-sama kemunculan album ini secara digital, Hafiz akan menerbitkan versi CD secara terhad dan eksklusif menerusi *Shopee*.

Video muzik dari album ini juga akan mula dikeluarkan bersama-sama pengedaran digital di YouTube.

#2 Makmum

Pengarah: Hadrah Daeng Ratu
Pelakon: Titi Kamal, Ali Syakieb, Tissa Biani

FILEM dibuka dengan tiga remaja yang tidak dibenarkan pulang ke rumah sewaktu cuti sekolah kerana gred yang tidak baik. Mereka yang tinggal mula mendapat gangguan ketika melakukan ibadah solat. Setiap kali solat, selalu ada 'makmum' yang mengikuti mereka.

Rupa-rupanya ada kisah dendam lama yang disembunyikan oleh pengetua asal

dan penjaga asrama puteri itu.

Juga, menceritakan tentang seorang penjaga rumah mayat bernama Rini yang dihalau keluar dari rumahnya lalu memilih untuk bekerja di asrama puteri tersebut. Rini bertekad membantu ketiga anak tersebut, tanpa menyedari nyawanya sendiri juga terancam.

Jangan lupa sediakan bantal untuk menutup muka apabila menonton filem ini kerana ramai yang bersetuju filem ini sangat seram.

Mencabar adrenalin dengan empat filem seram



DIANA SYUHADA MOHD AMIR

FILEM seram antara genre yang ada peminatnya tersendiri. Mencabar adrenalin dengan degupan jantung yang kuat sepanjang menyaksikan filem seram antara satu kepuasan bagi mereka yang meminati genre ini.

Seram komedi juga semakin mendapat tempat dalam hati penggemar filem di mana elemen kelakar diselitkan bagi memberi ruang buat penonton lebih menikmati filem tersebut.

Sempena bulan Oktober yang digelar 'bulan berhantu', *Wilayahku* kongsi empat filem buat penggemar filem seram di luar sana. **W K**


#1 The Medium

Pengarah: Banjong Pisanthanakun
Pelakon: Nariya Gulmongkolpech, Sawanee Utoomma

BERLATARKAN kawasan perkampungan daif di Isan, Thailand, penduduknya mempercayai saka keturunan bomoh yang membawa tuah akan diwarisi turun temurun dalam ahli keluarga.

Filem Thai-Korea ini menampilkan budaya mistik dan spiritual di Thailand. Penduduk setempat Isan percaya bahawa roh bukan hanya roh orang mati. Semangat dalam kepercayaan rakyat Isan juga bermakna segala-galanya seperti rumah, pokok, gunung, hutan, ke sawah padi dipercayai mempunyai roh.

Adegan tegang dan mencengkam berjaya menjadikan filem *The Medium* penuh dengan seram. Bagi penggemar filem seram boleh la menonton *The Medium* tapi ingat ye filem ini hanya untuk tontonan 18 tahun ke atas sahaja.



#4 Ada Hantu

Pengarah: Hairul Azreen
Pelakon: Zahiril Adzim, Hairul Azreen

MENGISAHKAN tentang Aliff, 'Youtuber' dan skeptikal terhadap semua perkara ghaib, yang mencabar rakan-rakannya untuk bermalam di sebuah rumah lama, terbengkalai – dikhabarkan pernah dimiliki oleh jeneral tentera Jepun yang telah menyiksa dan membunuh semua orang di sekelilingnya dengan kejam – untuk membuktikan bahawa hantu itu tidak wujud. Ketika malam menjelang dan Aliff kehilangan rakan-rakannya, dia segera menyedari bahawa rumah itu tidak seperti dibayangkan.

Filem seram komedi ini agak tipikal pada permulaannya namun dengan *plot twist* yang tidak dijangka di penghujung filem menjadikan ia sedikit berbeza dengan filem Melayu seram komedi yang lain.

Ada Hantu sangat sesuai ditonton bersama keluarga kerana ianya tidak mempunyai elemen kejam atau seram melampau.

Elemen komedi yang diselitkan juga menjadi. Kepada yang belum tonton, jangan lupa untuk saksikan. Bak kata orang 'jom support local'.



#3 Ghost Coins

Pengarah: Tiwa Moeithaisong
Pelakon: Thanayong Wongtrakul, Rhatha Phongam

GHOST COINS mengisahkan dua orang pelajar bernama Ton dan Jack yang popular dengan video yang dibuat mereka iaitu mencabar kepercayaan tahyul.

Suatu hari, mereka merancang untuk melakukan 'prank' terhadap Tor, adik kepada Ton bagi membalas dendam selepas Tor melukai hati Bee yang merupakan gadis kesayangan Jack.

Mereka merancang mahu menggari Tor dengan tulang mayat di tanah perkuburan. Namun, mereka terjumpa mayat yang mana di dalam mulutnya terdapat duit syiling. Tor yang tamak telah mengambil duit tersebut dan secara tiba-tiba mayat tersebut mula bergerak. Mereka yang telah sesat di dalam hutan tersebut terpaksa mencari jalan keluar.





HAZIRAH HALIM

HAI semua! Pasti ramai yang mengetahui isteri kepada Menteri Wilayah Persekutuan, **Datin Seri Shamsiah Md Yassin** sangat minat memasak.

Mahu berkongsi resipi dengan warga kota, istimewa edisi kali ini, akhbar Wilayahku ingin menyajikan anda dengan menu masakan tengahari dari negeri Perlis hasil air tangan beliau sendiri sepanjang mengadakan program Sentuhan Kasih Ibu @ Rumah Prihatin.

Resipi ini sangat mudah dan sesuai dipraktikkan oleh sesiapa sahaja terutama yang baru nak belajar memasak. Selamat mencuba! **W K**

AIR TANGAN BONDA

Datin Seri Shamsiah

BAHAN-BAHAN

Batang keladi
Bawang merah dikisar
Ikan kembung dikisar
Cili kering dikisar
Daun kesum
Bunga kantan
Asam keping
Garam dan Gula
Air
Serbuk perasa

CARA PENYEDIAAN

1. Siang batang keladi, cuci dan toskan.
2. Rebus batang keladi dan ikan kembung (berasingan).
2. Kisar bawang merah, cili kering dan ikan

yang telah direbus.

3. Masukkan bahan-bahan yang telah dikisar ke dalam kuah. Tambah sedikit air dan biarkan mendidih.
5. Apabila sudah mendidih, masukkan batang keladi, sedikit gula, garam dan serbuk perasa.
6. Biarkan beberapa minit sehingga kuah menjadi pekat dan mendidih.
7. Sedia untuk dihidangkan.



DATIN SERI SHAMSIAH

Tiga menu makan tengah hari yang pasti bikin terliur



SABRINA SABRE

SELEPAS sarapan, makan tengah hari merupakan antara waktu makan yang paling penting. Tambahan pula jika anda bekerja pada awal pagi, anda wajib menikmati makan

tengah hari untuk memberikan tenaga.

Buntu memikirkan resipi lauk-pauk yang hendak dimasak setiap hari? Bila ulang menu yang sama, pasti jemu.

Oleh itu jom cuba koleksi resipi lauk-pauk sedap dan mudah yang *Wilayahku* kongsi ini. Sesuai untuk hidangan makan tengah hari keluarga tercinta. Jom cuba! **W K**

Ayam Kicap Tiga Budak Gemok

BAHAN-BAHAN

Daun kari
Kicap manis
Sos tiram
Ayam digoreng dengan garam dan kunyit

BAHAN TUMBUK

Cili api
Bawang merah
Bawang putih
Halia

BAHAN SAMBAL GESEK

BAWANG
Bawang putih
Tomato
Ikan bilis
Cili padi

Cili merah
Bawang besar

CARA PENYEDIAAN

1. Tumis daun kari terlebih dahulu.
2. Kemudian, masukkan bahan yang telah ditumbuk. Pastikan bahan tumis garing dan gelap.
3. Tuangkan kicap manis dan sos tiram.
4. Masukkan ayam yang telah digoreng.
5. Untuk sambal gesek bawang, goreng dahulu semua bahan dan kemudian tumbuk. Perasakan.
6. Sedia untuk dihidang.



Daging Harimau Menangis

BAHAN-BAHAN

2 kg daging dipotong kecil
5 sudu besar sos cili
5 sudu besar sos tiram
6 sudu besar sos lada hitam
6 sudu besar sos ikan/kicap biasa
1½ sudu besar lada hitam ditumbuk
2 sudu gula
1 sudu kecil garam
½ cawan minyak masak

BAHAN AIR ASAM JAWA

Segenggam asam jawa
1 cawan air suam
3 sudu sos ikan
1 biji limau nipis
1 keping gula melaka ditumbuk halus
10 biji cili api tumbuk halus
8 biji bawang merah kecil dihiris nipis
Beras disangrai digoreng tanpa minyak dan tumbuk halus
Daun ketumbar dipotong halus
Garam

CARA PENYEDIAAN

1. Campur kesemua bahan di atas kecuali minyak masak dalam 30 minit.
2. Kemudian, tuangkan minyak masak dan gaul sebati.
3. Perap lagi dalam 2 jam dan sedia untuk dibakar.
4. Untuk air asam, campurkan air suam dan asam jawa.
5. Campurkan air asam jawa, sos ikan, gula melaka, cili api, bawang merah, beras dan daun ketumbar ke dalam satu bekas.
6. Tambah sedikit air jika adunan nampak terlalu pekat.
7. Perah sedikit limau nipis.
8. Perasakan dengan sedikit garam.
9. Sedia untuk dihidang.



Ikan Dori Masam Manis

BAHAN-BAHAN

Ikan dori dipotong kecil
4-5 ulas bawang putih diketuk
1 biji bawang *holland* dipotong 8
2-3 inci halia dihiris
Lada benggala dipotong dadu
Tomato segar
4-5 sudu besar sos cili
2-3 sudu besar sos tomato
1 sudu besar tomato
Minyak bijan
Gula
Garam
Kiub pati ayam
Tepung jagung
Tepung gandum
Lada sulah
Telur

CARA PENYEDIAAN

1. Bancuh tepung gandum dengan tepung jagung, lada sulah dan garam.
2. Celup ikan ke dalam bancuhan dan goreng. Ketepikan.
3. Untuk sos, tumis bawang putih, halia dan gua.
4. Letakkan sos cili, sos tomato, sos tiram dan minyak bijan.
5. Masukkan sedikit air jika terlalu pekat.
6. Perasakan dengan garam, lada sulah dan kiub pati ayam.
7. Letakkan bawang *holland*, tomato dan lada benggala.
8. Masukkan ikan yang digoreng tadi.
9. Sedia untuk dihidang.



Bajet 2022 perluutamakan OKU dan kesejahteraan komuniti



TAN SRI LEE LAM THYE

PANDEMIK COVID-19 mengubah pelbagai aspek kehidupan dengan ketara sekali, selain berpotensi memberi kesan sosial jangka panjang yang memudaratkan. Justeru, Ikatan Komuniti Selamat berharap beberapa perkara di bawah diberikan pertimbangan sewajarnya dalam belanjawan kali ini.

Pertamanya, penjagaan warga emas dan golongan orang kurang upaya (OKU) perlu menjadi tumpuan berterusan. Kami mencadangkan supaya anggaran yang berterusan diperuntukkan bagi meningkatkan kualiti hidup, penjagaan dan kesihatan mental warga emas serta OKU.

Mereka juga wajar diberi pemeriksaan perubatan tahunan percuma dan rawatan di hospital kerajaan, selain dilengkapi dengan alat bantu seperti alat pembantu pendengaran, cermin mata, kerusi roda serta gigi palsu dengan pembiayaan bersubsidi.

Kedua, golongan B40 juga perlu diberikan bantuan tambahan merangkumi penduduk miskin bandar. Kemiskinan bandar dalam suasana pandemik memberi lebih tekanan serta rasa putus harapan kepada golongan ini.



NGO Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat mencadangkan supaya anggaran yang berterusan diperuntukkan bagi meningkatkan kualiti hidup, penjagaan dan kesihatan mental warga emas serta OKU.

Bagi sektor pendidikan, apa yang berlaku kini menjadikan jurang perbezaan sangat ketara antara golongan kaya di bandar dan yang lainnya. Keadaan ini menyumbang kepada pencapaian tahap akademik yang lebih rendah, malah pelajar berisiko untuk tercicir daripada mendapat pendidikan. Justeru, lebih banyak peruntukan diperlukan bagi merapatkan jurang digital dalam pendidikan.

Seterusnya, dicadangkan peruntukan lebih banyak untuk sektor kesihatan, terutama yang berkaitan dengan peningkatan sumber manusia dan jawatan tetap bagi tenaga kerja kesihatan. Ia tentu saja disebabkan penjagaan kesihatan adalah nadi negara dan penting untuk kesejahteraan

rakyat.

Selain itu, dalam konteks yang sama, dapat dilihat di antara kesan sosial COVID-19, adalah kesihatan mental yang makin terjejas dan ketara, termasuk episod bunuh diri. Beban kesihatan mental meningkat kerana terlalu sedikit atau tiada hubungan dan interaksi dengan individu lain.

Justeru, dicadangkan peruntukan untuk program kemasyarakatan dan 'safety net', untuk memberi sokongan kepada mereka yang terjejas kesihatan mental.

Pandemik juga menyaksikan ramai orang hilang pekerjaan terutama di sektor perniagaan kecil. Dalam menghidupkan kembali beberapa perniagaan kecil, lokasi optimum dengan tampungan

“Golongan B40 juga perlu diberikan bantuan tambahan merangkumi penduduk miskin bandar. Kemiskinan bandar dalam suasana pandemik memberi lebih tekanan serta rasa putus harapan kepada golongan ini.”

pelanggan yang besar adalah penting. Justeru dicadangkan supaya perniagaan kecil (seperti gerai dan kedai serbaneka) dipermudahkan operasinya.

Selain itu, belanjawan kali ini diharap juga dapat menimbangkan keselamatan berasaskan pembabitn komuniti. Ia merangkumi persoalan berkaitan alam sekitar seperti penggunaan plastik sekali guna. Dalam hal ini, pencemaran plastik adalah masalah utama global dan menjadi isu nasional yang memberikan implikasi negatif kepada alam sekitar. Walaupun Malaysia mempunyai *Roadmap towards zero single use plastics 2018-2030*, pelaksanaannya adalah lemah.

Justeru, pendekatan yang lebih agresif diperlukan pada tahun 2022 untuk melaksanakan 'roadmap' ini. Dana perlu diwujudkan untuk memberi insentif kepada orang ramai bagi menyokong tindakan dalam 'roadmap' berkenaan.

Selain itu, pengurusan haiwan terbiar perlu dibuat dengan baik

dan perikemanusiaan. Dalam hal ini pengurusan misalnya anjing liar akan memanfaatkan masyarakat dari segi menjauhkan penyakit seperti rabies dan serangan anjing.

Masa kini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menghabiskan puluhan juta ringgit untuk menghapuskan anjing dan kucing liar. Kami mencadangkan supaya dana disalurkan kepada badan bukan kerajaan (NGO) untuk pengurusan yang lebih berperikemanusiaan terhadap haiwan terbiar ini disamping menjimatkan masa dan sumber manusia PBT.

Persoalan yang tidak kurang penting adalah keselamatan di tempat kerja. Walaupun peralatan dan langkah keselamatan adalah diperlukan ketika operasi di tempat kerja, kebanyakan majikan berhadapan masalah kewangan memperoleh alat-alat ini untuk pekerja kerana kos peralatan pelindung yang tinggi. Justeru rebat hendaklah diberikan kepada majikan membeli peralatan ini serta pengurangan duti import untuk peralatan keselamatan.

Dalam hal perubahan iklim pula, ia sebenarnya memberi kesan kepada masyarakat terutama penduduk termiskin yang lazimnya tinggal di kawasan terdedah kepada ancaman perubahan iklim seperti banjir dan kemarau.

Bagi Malaysia, ada kala situasi bencana ini berpunca daripada amalan yang tidak mampan buatan manusia seperti pencerobohan kawasan sensitif alam sekitar yang akan membahayakan komuniti sekeliling. Selain memperketatkan pemantauan ke atas kawasan sensitif alam sekitar, dicadangkan peruntukan untuk kesiapsiagaan bencana dan langkah adaptasi.

Penulis adalah Pengerusi, Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat

Pakej internet murah untuk Keluarga Malaysia



SABRINA SABRE

KEMENTERIAN Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menawarkan Pakej Remaja Keluarga Malaysia dan Pakej Peranti Keluarga Malaysia bermula 15 Oktober hingga 15 April 2022 bagi memastikan setiap orang mempunyai akses internet pada kos yang berpatutan.

Pengarah Pejabat Wilayah Persekutuan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Rizal Abd Malek berkata, dua pakej mampu milik itu adalah hasil kerjasama dengan enam syarikat telekomunikasi iaitu Celcom, Digi, Maxis, U Mobile, Telekom Malaysia dan YTL bagi membantu rakyat dalam jangka



RIZAL berharap pakej tersebut membolehkan lebih ramai ahli keluarga mendapat manfaat sempurna daripada pemilikan peranti mudah alih 4G dan VoLTE untuk melengkapkan pengalaman internet mereka.

masa pendek.

Menurut Rizal, pakej diskaun yang akan berlangsung selama enam bulan itu merupakan inisiatif kerajaan bagi membantu golongan remaja dan para pelajar

memperoleh akses internet serta memiliki peranti pintar mampu milik terutama golongan yang kurang berkemampuan dalam kalangan rakyat negara ini.

“Pakej Remaja Keluarga

Malaysia adalah pakej prabayar khusus untuk golongan remaja dan pelajar termasuk pelajar pascasiswazah. Dengan hanya RM10 sebulan (dibayar untuk tiga bulan sebanyak RM30), mereka akan mendapat data 20GB untuk tiga bulan. Selain itu, mereka turut diberikan data 1GB percuma untuk aktiviti produktiviti setiap hari serta Internet asas tanpa had.

“Dengan pakej ini, pengguna boleh melakukan aktiviti seperti penghantaran mesej dan melayari Internet. Manakala, bagi data produktiviti, pembelajaran dalam talian serta aktiviti bekerja dari rumah boleh dilakukan tanpa kekangan data,” kata Rizal kepada *Wilayahku* pada Jumaat lalu.

Jelasnya lagi, Pakej Peranti Keluarga Malaysia pula akan membolehkan rakyat Malaysia memiliki atau menaik taraf kepada peranti mudah alih dan

VoLTE secara percuma. Peranti tersebut dapat dimiliki dengan langganan serendah RM40 sebulan melalui kontrak selama 12 hingga 24 bulan tertakluk kepada jenis peranti dan perkhidmatan yang dilanggan.

“Pakej ini termasuk 1GB data percuma untuk aktiviti produktiviti. Setiap pengguna yang layak boleh melanggan sehingga dua pakej dengan mendaftar kad pengenalan yang sama,” ujarnya.

Rizal berharap pakej tersebut membolehkan lebih ramai ahli keluarga mendapat manfaat sempurna daripada pemilikan peranti mudah alih 4G dan VoLTE untuk melengkapkan pengalaman Internet mereka kerana kedua-dua pakej tersebut membolehkan pengguna menikmati kesalinghubungan yang lebih baik dan tahap penyampaian lebih berkualiti.

Berniaga sambil beramal

As Samad Café kongsi rezeki setiap hari



ORANG ramai beratur untuk mengambil makanan di As Samad Café bermula jam 12 tengah hari.



SABRINA SABRE

STILAH keuntungan amat sinonim dengan ahli perniagaan namun pengusaha makanan di Dagang Avenue Food Court, **Mohd Rizal Othman**, 38, mengambil pendekatan berbeza dengan membuka As Samad Café berkonsepkan kebajikan.

Diwujudkan tepat pada masanya tatkala negara dilanda pandemik COVID-19 yang menyebabkan ramai insan terkesan dan hilang punca pendapatan,

As Samad Café terletak di Medan Selera Taman Dagang 2, Ampang itu benar-benar memberi impak dalam meringankan beban dan memberi bantuan dengan kadar segera berupa makanan tengah hari.

Mohd Rizal memberitahu beliau sudah lama bercita-cita untuk mewujudkan kafe yang mengamalkan konsep memberi makanan kepada sesiapa sahaja yang menginginkannya.

"Saya menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 50 bungkusan makanan untuk diedarkan setiap hari dan dana yang digunakan adalah sumbangan orang ramai serta beberapa NGO yang turut mem-

bantu merealisasikan impian saya ini.

"Mungkin hari ini kita mempunyai sedikit rezeki yang boleh dikongsi bersama insan yang kurang bernasib baik dan mungkin esok adalah giliran kita pula menerima rezeki daripada orang lain. Itulah putaran roda yang telah diciturkan oleh Allah Taala," katanya.

Tambahnya, nama 'As Samad' yang memiliki definisi tersendiri amat signifikan terhadap aktiviti kebajikan di mana 'As Samad' merupakan salah satu daripada 99 Asmaul Husna yang membawa maksud 'tempat bergantung'.

As Samad Café telah memulakan program pemberian makanan

ini bermula 31 Ogos 2021 yang lalu dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Keterlibatan pelbagai peringkat usia dan bangsa telah mewujudkan suasana harmoni dan secara tidak langsung memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat.

Waktu operasi As Samad Café bermula pada hari Isnin hingga Jumaat pada pukul 12 tengah hari sehingga makanan selesai diedarkan.

"Andai hari ini adalah permulaan untuk kita melakukan kebaikan, usah bertangguh lagi kerana hari esok belum tentu kita berkesempatan untuk men-

yantuni mereka," pesan Pengerusi *Preloved4Charity* itu.

As Samad Café turut memberi peluang kepada insan di luar sana yang ingin turut serta dengan menyumbangkan dana dalam meneruskan kesinambungan program ini. Bagi insan di luar sana yang ingin turut serta dalam aktiviti kebajikan ini atau berhasrat untuk menyumbang dana, anda bolehlah melayari portal rasmi Facebook As Samad Café untuk maklumat lanjut. **W K**

INFO As Samad Café

Lokasi: No 1, Medan Selera Taman Dagang 2, 68000 Ampang.

Masa: Isnin hingga Jumaat bermula 12 tengah hari

Hubungi: 016-202 3896 (Mohd Rizal)



50 bungkusan makanan diedarkan setiap hari kepada sesiapa sahaja yang memerlukan.

PL sasar tarik 1,000 pelaburan baharu



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PERBADANAN Labuan (PL) menasarkkan lebih kurang 1,000 pelabur asing dan tempatan bakal melabur dalam tempoh dua tahun di Pulau Bebas Cukai itu bermula tahun ini.

Menurut Pengerusinya, **Datuk Seri Amir Hussien**, langkah itu diambil bagi memastikan ekonomi Labuan kembali seperti dahulu.

Katanya, susulan pandemik COVID-19 pertumbuhan ekonomi negara

khususnya di pulau ini semakin merundum.

“Kita mahukan Labuan dipulihkan segera bagi memastikan peluang pekerjaan serta ekonomi tempatan dapat ditingkatkan.

“Untuk mencapai sasaran itu, kita akan menghimpunkan sekurang-kurangnya 1,000 pelabur tempatan dan antarabangsa dengan menawarkan beberapa pakej mesra pelabur,” katanya kepada pemberita di Majlis Perasmian Pembukaan Pejabat AIFC Technology di Kompleks Ujana Kewangan di sini, pada Isnin lalu.

Amir berkata, pihaknya akan memastikan peluang

pelaburan yang ada diteruskan tanpa sebarang peraturan yang ketat.

“Kita mahu Labuan menjadi sebagai pulau yang fleksibel yang memahami sektor dan elemen-elemen pelabur bagi memastikan peluang pelaburan dapat disegerakan dan diluluskan.

Terdahulu, sebanyak 110 delegasi pelabur tempatan dan antarabangsa mengadakan lawatan padanan pelaburan selama empat hari itu bagi melihat sendiri peluang pelaburan yang berpotensi di pulau itu.

Delegasi pelabur itu membabitkan pelabur dari negara pelabur China, Hong Kong, Vietnam serta pelabur tempatan. **W K**



AMIR (tengah) bersama Pengarah Eksekutif AIFC, Datuk Seri Simon Liew (dua dari kiri) merasmikan pembukaan pejabat Syarikat AIFC Technology di Kompleks Ujana Kewangan, pada Isnin lalu.

Kampung Sungai Bedaun Johan Komuniti Zon Hijau COVID-19

KAMPUNG Sungai Bedaun di sini, dinobatkan sebagai johan pertandingan Komuniti Zon Hijau COVID-19 dalam kategori luar bandar peringkat Labuan.

Menerusi kenyataan Perbadanan Labuan (PL), pertandingan tersebut dianjurkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Dengan kemenangan itu, Kampung Sungai Bedaun bakal menerima hadiah geran pembangunan projek fizikal yang bernilai RM 50,000.

“Majlis penyampaian hadiah itu akan disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yakoob pada Majlis Penutupan Bulan Kesiapsiagaan Nasional yang bakal diadakan pada 28 Oktober ini,” jelas kenyataan itu.

Sementara itu, Ketua Kampung Sungai Bedaun **Rosmani Puteh**, berkata kemenangan yang dicapai itu adalah satu rezeki yang tidak dijangkakan kerana hasrat menyertai pertandingan itu berdasarkan sifat tanggungjawab sebagai komuniti yang ingin mengamalkan norma baharu bagi mengekang penularan COVID-19.

“Alhamdulillah, dengan kemenangan ini pasti menjadikan satu titik semangat kepada kami serta kampung-kampung lain untuk bersama-sama menyahut saranan daripada pihak kerajaan khususnya mempraktikkan norma baharu



ROSMANI (tengah) bersama frontliners menunjukkan risalah pembudayaan norma baharu dan mempromosikan Sungai Bedaun sebagai Zon Hijau COVID-19.



BANTING Kampung Sungai Bedaun Hijau COVID-19 dipasang di Pehentian Bas di kawasan kampung itu untuk mempromosikan norma baharu dikalangan warga kampung itu.

dalam mengekang wabak COVID-19,” katanya ketika dihubungi Wilayahku, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Rosmani turut menzahirkan terima kasih kepada semua pihak khususnya pihak kerajaan dan pemimpin-pemimpin masyarakat yang memberikan sokongan dan dorongan

dalam menjayakan program Komuniti Hijau COVID-19.

“Kemenangan ini tidak akan dicapai tanpa sokongan dan dorongan mereka. Terima kasih juga kepada penduduk kampung yang sentiasa memberi kerjasama yang jitu dan bertungkus lumus tanpa mengira penat lelah menjayakan program itu,” katanya. **W K**



PENUMPANG berada di dalam bot laju dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Bot Laju Labuan-Menumbok kembali beroperasi bermula 20 Oktober lalu.



Bot laju Labuan-Menumbok beroperasi semula bulan depan

SELARAS dengan pengumuman kerajaan mengenai pembukaan sempadan negeri, perkhidmatan Bot Laju dua hala Labuan ke Menumbok kembali beroperasi semula.

Pengarah Eksekutif LDA Labuan (Holdings) Sdn Bhd, **Mohammad Rizdun Ibrahim**, berkata pengoperasian perkhidmatan itu dilaksanakan mengikut jadual secara berkala sehingga hujung Oktober ini.

Katanya, waktu operasi bot laju Labuan ke Menumbok iaitu pukul 10 pagi, 2 petang dan 5.15 petang, manakala Menumbok ke Labuan pada

pukul 6.45 pagi, 10 pagi dan 2 petang.

“Pada awal November, jadual pengoperasian bot laju akan mengikut jadual yang akan ditetapkan kemudian,” katanya kepada pemberita, baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau berkata penumpang boleh mendapatkan tiket secara dalam talian di pautan www.labuanpay.my atau di kaunter tiket Terminal Antarabangsa Labuan.

“Kadar tambang yang dikenakan adalah sama dan pemberian subsidi tambang 50 peratus masih diberikan kepada warganegara,” katanya. **W K**



Soalan

ASSALAMUALAIKUM WBT. Sekiranya seseorang transgender itu meninggal dunia, adakah jenazahnya diuruskan mengikut jantina yang ditukar atau jantina asalnya?

Mohon pencerahan.

Jawapan

Wa'alaikumussalam WBT. Alhamdulillah segala puji dan syukur kami panjatkan kepada Allah SWT.

Selawat dan salam kami ucapkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, para isteri dan keluarga baginda, para sahabat, seterusnya golongan yang mengikuti jejak langkah baginda sehingga hari kiamat.

Menurut Islam, transgender merupakan amalan songsang dan perlakuan yang bertentangan dengan jantina.

Kategori ini boleh dirungkai dengan membawa maksud wanita seperti lelaki dan sebaliknya.

Segala perbuatan yang melibatkan proses penukaran jantina asal kepada jantina berlawanan ini jelas bertentangan dengan hukum Islam.

Di dalam syariat Islam, istilah ini paling dekat disebut dengan istilah *al-mukhannath* (lelaki yang menyerupai sifat kewanita) atau *al-mutarajil* (wanita yang menyerupai sifat kelakian).

Hal ini berdasarkan sabda Nabi Muhammad SAW:

Maksudnya: Nabi SAW melaknat lelaki yang bersifat kewanita dan wanita yang

Bagaimana menguruskan jenazah transgender?

“Imam al-Tabari berkata, hadis larangan tersebut menunjukkan tidak harus lelaki untuk menyerupai wanita dari aspek pakaian dan perhiasan yang dikhususkan kepada wanita dan juga sebaliknya.”

bersifat kekelakian.

Riwayat al-Bukhari (5886)

Golongan transgender dilaknat oleh Nabi SAW sama ada lelaki yang menyerupai wanita atau sebaliknya.

Dalam hal ini ia merujuk kepada golongan lelaki yang menyerupai wanita dari pelbagai sudut sehingga menonjolkan seseorang lelaki itu sebagai wanita dan bukan lagi lelaki.

Imam al-Tabari berkata, hadis larangan tersebut menunjukkan tidak harus lelaki untuk menyerupai wanita dari aspek pakaian dan perhiasan yang dikhususkan kepada wanita dan juga sebaliknya.

(Rujuk: Fath al-Mun'im Syarh Sohih Muslim, 8/520).

Para ahli bahasa mengatakan maksud *al-mukhannath* ialah seperti berikut:

Para ahli bahasa berkata *al-mukhannath* ialah golongan yang menyerupai wanita pada perlakuan, perkataan dan gerak-geriknya.



SEGALA hukum-hakam yang berkaitan transgender adalah mengikut jantina asalnya.

Kadang-kadang ia berlaku secara semula jadi (bukan diada-adakan) tetapi kadang-kadang ia berlaku secara sengaja (diada-adakan).

(Rujuk: Syarh al-Nawawi 'ala Muslim, 14/163)

Oleh itu, berdasarkan maksud di atas *al-mukhannath* terbahagi kepada dua, iaitu ciri yang lahir secara semula jadi dan diada-adakan.

Sekiranya ciri wanita pada diri lelaki itu atau sebaliknya lahir secara semula jadi maka perbuatan itu tidaklah berdosa.

Manakala yang berdosa ialah sekiranya ciri tersebut diada-adakan secara sengaja. **(Rujuk: 'Umdah al-Qari, 8/403).**

Justeru, berdasarkan maksud transgender dan *al-mukhannath* yang telah disebutkan jelas bahawa seseorang individu kekal dengan jantina asalnya, cuma penampilannya sahaja yang menunjukkan jantina yang sebaliknya.

Oleh yang demikian, seorang lelaki kekal sebagai lelaki sekalipun dia berperwatakan

seperti wanita.

Segala hukum-hakam yang terpakai ke atas dirinya juga adalah mengikut jantina lelaki.

Perkara ini dinyatakan oleh Shaikh al-Syarwani:

Sekiranya seorang lelaki berperwatakan seperti wanita atau sebaliknya, (jika ada lelaki yang menyentuhnya) tidak batal wuduk pada permasalahan yang pertama (lelaki yang berperwatakan wanita) dan batal wuduknya pada permasalahan yang kedua (wanita yang berperwatakan lelaki) kerana dipastikan bahawa tidak ada perubahan pada hakikatnya tetapi yang berubah hanyalah penampilannya sahaja iaitu berubah dari satu penampilan kepada bentuk-bentuk penampilan yang lain.

(Rujuk: Hawasyi al-Syarwani, 1/137).

KESIMPULAN

Segala hukum-hakam yang berkaitan transgender adalah mengikut jantina asalnya.

Hal yang demikian disebabkan, hakikatnya tidak ada perubahan pada jantina asalnya iaitu daripada lelaki kepada wanita atau sebaliknya tetapi yang berubah hanyalah penampilan luarannya sahaja.

Oleh yang demikian, segala permasalahan berkaitan aurat, pemakaian, pengurusan jenazah seseorang transgender adalah mengikut jantina asalnya.

Wallahu A'lam.

Empayar Malaysia: Projek kebajikan anak muda berjiwa besar

MEMILIKI sikap yang prihatin dan berjiwa kebajikan, **Mohd Ashraff Khan bin Md Najib**, 41, telah berkecimpung dalam dunia kebajikan hampir 10 tahun dalam menyantuni masyarakat yang memerlukan.

Bernaung di bawah Persatuan Kebajikan Empayar Malaysia (Empire Project), Ashraff Khan telah menjalankan pelbagai program seperti *MyWish Project*, *Beg to School*, *Homeless 'Selipar' Project*, *Street Birthday Party*, *Empire 'Sarong' Project*, *Empire Food Bank*, *Project Pencil*, *Empire Backpack*, *Project Raya Empire*, *Empire Back To School*, *Gerobok Rezeki*, *Rice Project*, Menyantuni Gelandangan, *Foodbank* PKP, Misi Menyantuni Orang Asli dan sebagainya.

Empire Project merupakan badan bukan kerajaan yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) dengan nama Persatuan

Empayar Kebajikan Malaysia (*Empire Project*) pada 4 Mac 2016. *Empire Project* diasaskan oleh beliau sendiri dengan objektifnya untuk membantu masyarakat tanpa mengira sempadan bangsa, ras dan agama.

Empire Project telah beroperasi sejak lima tahun yang lepas sebagai individu bebas menjalankan aktiviti berkebakikan di Kuala Lumpur bermula dengan aktiviti asas iaitu *Street Feeding* atau memberi makan buat para gelandangan.

Kini, aktiviti yang dijalankan oleh beliau telah menjangkau ke seluruh pelosok negeri termasuklah di Sabah dan Sarawak.

“Pelbagai program dijalankan dalam membantu masyarakat yang kurang bernasib baik untuk turut merasai keseronokan dan menikmati sesuatu di luar kemampuan mereka,” kata Ashraff Khan.

Encik Ashraff Khan turut memiliki laman sosial bagi memudahkan orang ramai mengikuti perkem-



ASHRAFF Khan menerima 'Mock Cheque' ketika Program Gerobok Rezeki baru-baru ini.

bangsan beliau dan rakan-rakan khususnya dalam dunia kebajikan di bawah *Empire Project*.

Laman sosial tersebut dimanfaatkan untuk berkongsi segala aktiviti yang dijalankan dan

membuka peluang kepada siapa sahaja yang ingin turut serta menyalurkan sumbangan bagi menjayakan segala aktiviti yang dijalankan oleh *Empire Project*.

“Kehidupan ini adalah sementara dan apa salahnya kita memanfaatkan peluang yang ada untuk membuat kebajikan kerana kita tidak tahu sampai bila kita akan hidup di dunia ini,” katanya.

“Hidup ini umpama satu perjalanan yang panjang. Terlalu banyak onak dan duri yang terpaksa ditempuh sepanjang melalui perjalanan tersebut. Ketabahan dan kecekalan hati yang diperlukan untuk membangkitkan semangat dalam meneruskan kehidupan,” pesan beliau lagi.

Laman Rasmi Facebook: **Empire Project**

Youtube Channel: **Empire Channel**

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsi foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

MPP Sub Zon 5 jalin kerjasama, bantu masjid dan surau setempat

SHAHIDI BAKAR

USAHA terpuji oleh Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 5 Bandar Tun Razak dengan kerjasama MrBurn Gemstone, menghasilkan manfaat bagi 11 masjid dan surau di kawasan setempat.

Inisiatif diambil dengan usahasama pihak swasta itu membolehkan setiap masjid dan surau meraih bantuan tunai masing-masing sebanyak RM1,000 untuk membiayai aktiviti kariah yang diwakili.

Menurut Pengerusi MPPWP Sub Zon 5, **Farouk Mohd Noor**, usaha mendanai masjid dan surau itu diambil setelah memikirkan kekangan kewangan dihadapi institusi sepanjang tempoh PKP, telah membataskan pelaksanaan program komuniti.

Katanya, disebabkan

kutipan tabung dan sedekah susut dengan ketara, masjid dan surau terpaksa hentikan atau mengurangkan bantuan penduduk memerlukan di kawasan masing-masing selain tidak dapat gerak aktiviti kemasyarakatan.

"Jadi dengan adanya usaha ini, kami berharap ia dapat menampung keperluan perbelanjaan bagi 11 masjid dan surau di bawah Sub Zon 5, Bandar Tun Razak ini.

"Bantuan tunai hasil sumbangan ikhlas syarikat Mr Burn Gemstone dan beberapa lagi individu ini secara langsung menjadi pemacu terpenting bagi mengimarahkan aktiviti di kawasan kariah seperti gotong-royong selain bantuan barangan kepada penduduk memerlukan," katanya.

Sesi serahan sumbangan kepada masjid dan surau oleh MPPWP Sub



KAMARUDIN Jaffar (dua dari kanan) menyerahkan bantuan tunai RM1,000 kepada salah seorang daripada 11 wakil Pengerusi Masjid dan Surau di sekitar Bandar Tun Razak.

Zon 5 Bandar Tun Razak dan Mr Burn Gemstone turut dihadiri Ahli Parlimen, Datuk Kamarudin Jaafar ditemani Ketua Umno Bahagian, Datuk Rizalman Mokhtar.

Sementara itu, Kamarudin juga Timbalan Menteri Luar menzahirkan rasa syukur dan memuji usaha proaktif MPPWP Sub Zon 5 menyantuni komuniti

disifatkannya sebagai tepat peranan selaku wakil masyarakat dan menghubungkan kepada kerajaan.

"Alhamdulillah program serahan dana kepada 11 masjid dan surau sekitar MPPWP Sub Zon 5 hari ini berjalan lancar. Saya ucap terima kasih kepada yang terlibat, semoga usaha ini memanfaatkan warga Bandar Tun Razak," katanya yang sempat meluang masa beramah dengan wakil pengerusi masjid dan surau terbabit.

Dalam pada itu, Farouk menyatakan, pelaksanaan program hasil usaha sama swasta amat kondusif dan berharap semoga lebih banyak pihak syarikat swasta dan korporat tampil bersama-sama pada masa hadapan untuk turun padang menjayakan program CSR dengan penglibatan langsung dari komuniti setempat atau rakyat terbanyak. **W K**



SHUHAIMI (dua dari kanan) Bashir (tiga dari kanan) bersama-sama warga kampung Bukit Kalam ketika program gotong-royong di sini, baru-baru ini.

JPKK Bukit Kalam Labuan anjur program gotong-royong, jaga keceriaan kampung

JAWATANKUASA

Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Bukit Kalam Labuan menganjurkan program gotong-royong bagi menjaga semula kelestarian dan keceriaan kampung.

Pengerusinya, **Shuhaimi Kula**, berkata seramai 50 orang menyertai program itu termasuklah penglibatan golongan belia.

"Kita mengadakan program gotong-royong sekampung ini bertujuan

untuk membersihkan pokok-pokok di kawasan simpang jalan yang boleh membahayakan individu yang melalui jalan itu.

"Malahan dengan program ini, kita dapat menceriakan semula kampung ini," katanya kepada *Wilayahku*, baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau berkata menerusi aktiviti itu dapat mengeratkan semula silaturahim sesama masyarakat kampung

setelah hampir dua tahun tidak dapat mengadakan aktiviti seperti itu susulan pandemik COVID-19.

"Labuan kini Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Empat, maka dengan itu kita mengambil peluang mengadakan aktiviti ini dengan prosedur operasi standard (SOP) agar kelestarian kampung ini terjaga," katanya.

Turut hadir, Ahli Dewan Negara Senator Datuk Bashir Alias. **W K**

Pencahayaan bendera negara Hungary sinari Pintasan Saloma KL

HAZIRAH HALIM

SEMPENA menyambut ulang tahun kemerdekaan negara Hungary pada 23 Oktober, Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) menetapkan tema pencahayaan Pintasan Saloma dengan warna bendera negara tersebut.

Pencahayaan lampu yang disinari dengan warna merah, putih dan hijau yang bermula pukul 7.00 malam sehingga 12.00 tengah malam itu telah dilaksanakan pada Sabtu lalu.

PKB dalam satu

kenyataan memaklumkan, pencahayaan bendera negara tersebut bertujuan menaikkan semangat rakyat Hungary yang berada dan sedang menetap di Malaysia. "Di samping itu, dapat mengeratkan hubungan negara dua hala dan persahabatan lima dekad antara rakyat kedua-dua bangsa di Malaysia dan Hungary.

"Secara tidak langsung juga, pencahayaan bendera Hungary telah mempromosikan jambatan ikonik Pintasan Saloma ke peringkat dunia," jelas kenyataan tersebut.

Dalam pada itu, pihak PKB turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedutaan Hungary di Kuala Lumpur di atas inisiatifnya melaksanakan pencahayaan bendera negara tersebut di Pintasan Saloma.

Kini, pintasan Saloma tidak lagi menjadi "Ikonik Pelancongan Baru" dan lokasi "landmark" pencahayaan kempen hari-hari di Malaysia dan sedunia sebaliknya menjadi medium mempromosikan hari kemerdekaan sesebuah negara dan menjadi penyatuan negara Malaysia dengan negara luar. **W K**



PENCAHAYAAN lampu bendera negara HUNGARY menarik perhatian pengunjung Sabtu lalu.

Souq Shoppe @ Putrajaya bakal dilengkapi muzium



AINI MAWAWI

SYURGA coklat terbesar di Lembah Klang, Souq Shoppe @ Putra Mosque yang berkeluasan 11,000 kaki persegi bakal dilengkapi muzium dan ikonik Putrajaya menjelang bulan Februari akan datang.

Menariknya, muzium tersebut akan memaparkan sejarah pusat pentadbiran kerajaan persekutuan itu sekali gus memberi pengalaman membeli-belah sambil menghayati sejarah penubuhan Wilayah Putrajaya.

Menurut Pengurus Kanan DR Group Holdings Sdn Bhd, **Mohd Shafiq Aswad Abd Rashid**, pada masa ini, kerja-kerja pengubahsuaian sedang giat dilakukan untuk merealisasikan perkara tersebut.

"Kita akan mempunyai beberapa seksyen di dalam muzium tersebut yang mana salah satunya akan menceritakan acara dan program besar yang pernah berlangsung di Putrajaya se-



SUDUT bergambar yang menarik di Souq Shoppe @ Putra Mosque.

erti Pesta Belon Udara Panas Antarabangsa Putrajaya, Festival Bot Naga dan sebagainya.

"Di satu seksyen lain pula, kita akan memperlihatkan struktur Jambatan Warisan yang dibina menggunakan kayu yang mana pengunjung boleh berjalan-jalan di bawahnya selain kawasan tersebut turut dasyikkan dengan diorama tasik dan bot," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Kata beliau lagi, jika di Amerika Syarikat, kita dap-

at melihat replika bilik Presiden Amerika maka di sini pula pengunjung akan disajikan replika pejabat Perdana Menteri yang lengkap dengan perabot seperti meja dan sebagainya.

"Mereka boleh merasakan sendiri suasana seolah-olah berada dalam pejabat pemimpin negara selain kita juga turut memperindahkan ruangan berkaitan dengan pencahayaan dalam gelap menggunakan sistem lampu diod pemancar cahaya

500 jenis coklat yang dijual Souq Shoppe @ Putra Mosque.

(LED) sebagai simbolik kepada Festival Light and Motion Putrajaya (LAMPU)," kata Mohd Shafiq.

Berbalik kepada kedai coklat pula, menurutnya lagi, setakat ini lebih 500 jenis coklat yang terdiri daripada pelbagai jenis serta jenama tempatan dan antarabangsa popular seperti Hershey's, Daim dan sebagainya yang mana kebiasaannya hanya boleh didapati di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan lapangan terbang sahaja.

"Coklat yang dijual di Souq Shoppe @ Putra Mosque agak berpatutan dan mampu milik se-

lain turut menawarkan coklat tempatan jenama Fidani dan Danson yang dikeluarkan oleh DR Group sendiri," ujar beliau yang mengakui menerima lebih 10,000 pengunjung sepanjang tiga hari dibuka bermula 15 Oktober lepas.

Bagi mereka yang ingin merakam kenangan, terdapat tiga sudut bergambar yang menarik disediakan antaranya *Hershey's Candy Machines* seperti di Lapangan Terbang Changi, Singapura. **W K**

PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN TAHUN 2022 SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)



ELESEN.PPJ.GOV.MY

SEBARANG PERTANYAAN HUBUNGI:
UNIT PELESENAN PREMIS DAN AKTIVITI : 03-8887.7231; 03-8887.7265; 03-8887.7657; 03-8887.7215; 03-8887.7204
UNIT PELESENAN IKLAN/PAPAN TANDA : 03-8887.7231; 03-8887.7657; 03-8887.7954; 03-8887.7251



Klinik Jump Rope tambah ilmu seni lompatan

SERAMAI 50 orang peserta yang terdiri daripada segenap lapisan umur hadir memeriahkan Klinik Jump Rope yang diadakan bersempena Hari Sukan Negara 2021 (HSN2021) baru-baru ini.

Bertempat di perkarangan Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPj), program yang dianjurkan Score HSN Jump dan Komuniti Jump Rope Malaysia tersebut berkonsepkan perkongsian ilmu dalam mempelajari teknik dan kemahiran lompat tali.

Disokong penuh Seksyen Sukan dan Rekreasi, PPj, klinik tersebut merupakan aktiviti sampingan bagi acara Score HSN Jump 2021 yang diadakan bermula 8 Oktober hingga 14 November 2021.

Menurut Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar, PPj, **Nik Shukri Nik Soh**, selain demonstrasi lompat tali dan latihan dalam kumpulan kecil, pelbagai hadiah menarik turut disediakan untuk para peserta.

"Menariknya orang ramai dapat menimba ilmu yang berguna menerusi klinik yang dihoskan oleh dua orang personaliti media sosial popular bagi sukan lompat tali di Malaysia.



NIK SHUKRI

"Selain di Putrajaya, sesi klinik yang serupa turut dianjurkan pada hujung minggu di lokasi yang berbeza antaranya Bukit Jalil, Johor Bahru, Kuala Kangsar dan Pulau Pinang," ujar beliau.

Dalam masa yang sama, Nik Shukri berkata, PPj menjangkakan lebih banyak program sukan dan rekreasi bakal diadakan di Putrajaya pada tahun 2022 tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh kerajaan khususnya Majlis Keselamatan

Negara (MKN) dan Kementerian Belia Sukan (KBS).

"Fasiliti sukan di Putrajaya telah mula ditempah sejak Putrajaya beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN)," ujar beliau lagi.

Dalam pada itu, bagi orang ramai yang berminat untuk menyertai acara Hari Sukan Negara Jump 2021 secara percuma atau berbayar, pendaftaran masih dibuka di laman sesawang www.heyyom.com.

"Bagi acara lompatan virtual ini peserta dikehendaki melengkapkan bilangan lompatan mereka sebelum 14 November 2021," ujar beliau.



ANTARA peserta yang memeriahkan Klinik Jump Rope baru-baru ini.

Didik dari akar umbi agar lebih berdaya saing

SUKPAR medan carian atlet pelapis

AINI MAWAWI

SUKAN Parlimen (SUKPAR) 2021 yang bermula 22 Oktober lalu sehingga 5 Disember ini dilihat sebagai salah satu platform untuk mencari atlet pelapis negara pada masa akan datang.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim**, banyak atlet-atlet hebat negara datang dari Wilayah Persekutuan dan diharapkan penganjurannya umpama itu dapat membuahkan 'kejayaan' secara berterusan.

"Kita lihat banyak atlet-atlet datang dari sini, kalau boleh ingin melahirkan lebih ramai atlet yang boleh diketengahkan ke peringkat lebih tinggi lagi.

"Didik dari akar umbi dan dalam masa sama kita mahu Wilayah Persekutuan sentiasa berdaya saing dalam bidang sukan, setanding kawasan-kawasan lain di dalam negara," ujar beliau.

Kata beliau lagi, setelah sekian lama negara berdepan dengan

pandemik COVID-19 yang menyukarkan pelbagai aktiviti dilakukan, kini industri sukan kembali segar selepas Lembah Klang beralih dari Fasa 3 kepada Fasa 4.

"SUKPAR 2021 yang berlangsung diharapkan dapat menggerakkan semula bidang sukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan ke arah yang lebih gemilang daripada sebelum ini.

"Namun pendekatannya pada tahun ini perlu lebih berhati-hati supaya setiap pertandingan dianjurkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan," ujar beliau.

Pun begitu, SUKPAR kali ini lebih istimewa apabila permainan video FIFA22 yang dipertandingkan merupakan penganjurannya pertama yang dilaksanakan di Malaysia.

"Ia menerima sambutan luar biasa apabila ramai yang bertanya tentangnya sejak dari awal lagi. Oleh itu, ia bukan sahaja akan dijadikan acara tahunan tetapi akan terus men-



SHAHIDAN (tengah) ketika majlis perasmian SUKPAR 2021 baru-baru ini.

jadi pertandingan-pertandingan kecil yang dibuat dari semasa ke semasa," ujar Shahidan.

Terdahulu, SUKPAR 2021 diadakan secara maya dengan membabitkan keseluruhan enam

jenis sukan iaitu e-sukan (FIFA22 dan Mobile Legends: Bang Bang), 'virtual run' (individu 15 kilometer), 'virtual combat' (silat, taekwondo, karate) dan 'archery challenge' (recurve, compound, barebow). **W K**

Reaksi Peserta



Irdina Eyrish Afleen Mohd Mazri, 15
Kategori: Silat Solo Kreatif Tangan Kosong

"Alhamdulillah saya rasa bersyukur sangat dapat turut serta dalam SUKPAR 2021 dan gembira apabila sukan memanah turut dipertandingkan."



Daniel Hakimie Sohebi, 22
Kategori: Memanah

Peserta perlu bijak tonjol bakat

PESERTA Sukan Parlimen (SUKPAR) 2021 seharusnya merebut peluang untuk mempamerkan kebolehan masing-masing di dalam sukan yang dipertandingkan agar kemampuan mereka dapat menarik perhatian pihak luar seterusnya dapat bergiat secara aktif.



KUEGGEN



NUR AFISA

Hal tersebut turut diakui atlet karate Wilayah Persekutuan, **Kueggen Vijayakumar, 22**, yang berpendapat bahawa situasi hari ini agak sukar untuk menonjol jika tidak melalui acara-acara kejohanan seperti SUKPAR.

"Ramai yang membuat latihan tidak putus-putus kerana minat dengan sesuatu sukan tersebut tetapi mereka tidak mempersembahkan bakat yang ada kepada khalayak dengan mengikuti kejohanan dan sebagainya.

"Bagi saya, latihan tanpa persembahan tiada gunanya. Kita memerlukan tiket untuk pergi lebih jauh. Jadi, SUKPAR ini adalah landasan yang terbaik dan peserta perlu tunjukkan kehebatan masing-masing bagi



ANTARA sukan yang dipertandingkan pada SUKPAR 2021.

merebut 'tempat,' ujarnya kepada Wilayahku.

Mengulas tentang sukan karate yang juga merupakan salah satu acara yang dipertandingkan dalam SUKPAR 2021, Kueggen berkata, terlalu ramai bakat-bakat baharu di luar sana yang bersaing dalam karate.

Justeru, ujarnya, jika tidak mahu ketinggalan, peserta terlibat perlu bekerja lebih keras supaya berpeluang ke kejohanan yang lebih tinggi seperti SUKMA dan tidak mustahil menempah tiket ke kejohanan antarabangsa.

Bagi jurulatih memanah, Program Bakat Sukan Wilayah Persekutuan, **Nur Afisa Abdul Halil, 23**, SUKPAR dilihat dapat

menaikkan semangat golongan muda untuk menyemarakkan dunia sukan.

"Kita sudah lama bergelut dengan pandemik COVID-19, jadi ini masa yang sesuai untuk kita kembalikan perasaan teruja untuk bersukan. Bagus juga diadakan secara maya kerana pelajar sekolah dapat menyertainya selain tidak terikat dengan waktu pembelajaran sekolah.

"Selain itu, saya berharap agar lebih ramai anak muda di Wilayah Persekutuan tampil untuk menyertai kejohanan seperti SUKPAR agar kita sentiasa berdaya saing dalam dunia sukan," ujar Nur Afisa. **W K**

Tingkat amalan bersukan di Wilayah Persekutuan

SUKPAR 2021 mempertandingkan acara sukan di antara parlimen di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bermula tahun 2019 dengan objektif meningkatkan amalan bersukan dan menanamkan semangat perpaduan dalam kalangan komuniti.

Pada tahun ini ia diadakan secara maya selepas tidak diadakan tahun lalu akibat pandemik COVID-19 yang menyaksikan enam jenis sukan iaitu e-sukan (FIFA22 dan Mobile Legends: Bang Bang), 'virtual run' (individu 15 kilometer), 'virtual combat' (silat, taekwondo, karate) dan 'archery challenge' (recurve, compound, barebow).

Berlangsung 22 Oktober sehingga 5 Disember 2021, selain e-sukan, SUKPAR 2021 mempertandingkan 'virtual combat' yang menyaksikan silat, taekwondo dan karate secara maya buat

julung kalinya.

Kekal menggunakan konsep secara maya, pertandingan memanah pula bakal menyaksikan pemanah menggunakan konsep 'remote scoring' di tempat latihan atau kediaman masing-masing dan menghantar rakaman video yang dibuat.

Antara yang terlibat dalam penganjurannya SUKPAR tahun ini adalah Persatuan Silat Kebangsaan (PESAKA) Kuala Lumpur, Persatuan Memanah Red Arrows Wilayah Persekutuan, Persatuan Karate Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Taekwondo Kuala Lumpur. **W K**





Pengecualian faedah selama tiga bulan di bawah Pemulih

Permohonan moratorium masih dibuka

ORANG ramai yang terkesan dengan pandemik COVID-19 masih boleh memohon moratorium di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih).

Timbalan Menteri Kewangan I, **Mohd Shahar Abdullah** berkata, bank bersedia untuk memberi bantuan bayaran balik pinjaman yang terjejas dan memerlukan justeru, mereka hanya perlu menghubungi bank masing-masing.

“Bagi peminjam lain yang juga terkesan dan memerlukan bantuan bayaran balik pinjaman selepas pakej Pemulih tamat, bank akan terus menyediakan pakej bantuan termasuk pengurangan bayaran ansuran bulanan mengikut kemampuan peminjam,” katanya pada persidangan Dewan Rakyat baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan **Khalid Abd Samad (PH - Shah Alam)** sama ada kerajaan akan melanjutkan pemberian moratorium kepada individu dan perusahaan di samping sama ada akan memperkenalkan pemberian moratorium tanpa faedah terakru.



PERMOHONAN moratorium masih dibuka bagi membantu individu terkesan. - Gambar hiasan

Bernama melaporkan **Mohd Shahar** berkata,

industri perbankan sudah mengumumkan Skim Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) bagi golongan 50 peratus terendah kumpulan pendapatan (B50) iaitu isi rumah berpendapa-

tan sehingga RM5,880 yang masih terkesan akibat pandemik COVID-19, pada 14 Oktober lalu.

Beliau berkata, skim yang menyeluruh ini bukan sahaja membantu peminjam membuat pembayaran balik pinjaman mengikut kemampuan mereka, malah peminjam juga mendapat manfaat menerusi nasihat pengurusan kewangan yang boleh meningkatkan daya tahan kewangan mereka dalam jangka panjang.

“Di bawah program ini, peminjam golongan B50 yang memenuhi syarat akan mendapat pengecualian faedah selama tiga bulan dan juga pilihan untuk mengurangkan bayaran ansuran pinjaman sehingga 24 bulan keseluruhannya,” katanya.

Beliau berkata, peminjam juga boleh memohon pelbagai program yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) seperti Program Pengurusan Hutang, Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil dan Skim Sokongan Daya Tahan Kewangan. **W K**

Pemeriksaan haid: Kejadian tidak akan berulang - Radzi

KEMENTERIAN Pendidikan (KPM) memandang serius dakwaan berhubung terdapat amalan pemeriksaan haid secara fizikal dalam kalangan pelajar perempuan di sekolah.

Menteri Kanan Pendidikan **Datuk Dr Radzi Jidin** berkata, pihaknya komited dalam memastikan amalan itu tidak berulang, sekiranya ia benar wujud di mana-mana institusi KPM.

“Sejurus tiba dari Kuching di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), saya terus ke sebuah sekolah di Setapak, Kuala Lumpur bagi mendapatkan maklumat berhubung dakwaan berlaku amalan pemeriksaan haid secara fizikal dalam kalangan murid perempuan.

“Kedatangan saya adalah untuk mendengar dan mendapatkan maklum balas

secara terus daripada murid di sekolah berkenaan,” katanya menerusi hantaran di Facebook, Selasa lalu.

Radzi berkata kedatangan beliau yang disertai Ketua Setiausaha KPM **Datuk Yusran Shah Mohd Yusof** dan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia **Datin Seri Nor Zamani Abdol Hamid**, juga bertujuan mendengar penjelasan daripada pengetua dan guru sekolah.

Baru-baru ini, seorang pengguna menerusi ciapan di Twitter mendakwa seorang pelajar memberitahunya bahawa dia bersama kira-kira 30 pelajar lain berusia antara 18 dan 19 tahun telah dikumpulkan di sebuah kolej kira-kira pukul 7.50 malam pada 18 Okt lalu bagi menjalani pemeriksaan untuk membuktikan mereka sedang dalam haid. - **BERNAMA**

Mamat Khalid utamakan wajah-wajah Malaysia - Mat London

DEEL ANJER

PENGARAH veteran, **Dr Ahmad Ibrahim**, 72, atau lebih popular dikenali sebagai **Mat London**, yang juga Presiden Pengarah Filem Malaysia (FDAM) mengagumi semangat Allahyarham **Mamat Khalid** yang mementingkan keharmonian berbilang bangsa di Malaysia.

Menurut **Mat London**, arwah yang juga pengarah tersohor itu telah lama mengimpikan mahu menghasilkan sebuah filem yang bertemakan Keluarga Malaysia.

“Mamat Khalid adalah seorang yang nasionalis. Dia mementingkan negara, kenegerian, bangsa, dialog dan wajah-wajah Malaysia.

“Wajah-wajah Malaysia maksud saya adalah dia ingin terapkan supaya sesebuah filem itu kelihatan betul-betul Malaysia. Ada Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa.

“Dia mahu terapkan (dalam filem) satu Keluarga Malaysia seperti yang dirancang kerajaan sekarang.

“Itulah idea **Mamat Khalid** tiga tahun lalu. Dia ingin mem-

buat sesuatu yang menunjukkan Malaysia. Itulah cita-citanya yang tak kesampaian, tapi skripnya sudah ada,” katanya yang sentiasa menyokong perjuangan seni arwah.

Mat London juga berkongsi impian terakhir **Mamat Khalid** sebelum meninggal dunia adalah mahu menghasilkan filem **Raja Bersiong**.

“Perbualan terakhir saya dengan arwah, selain mengenai filem **Kampung Pisang**, dia bercita-cita mahu buat filem **Raja Bersiong**.

“Dia nak bagi watak saya sebagai **Raja Siam**. Katanya saya akan duduk atas gajah. Dia cakap saya ada ciri-ciri **Siam** sikit katanya. Itulah perbualan terakhir kami.

“Sepatutnya saya jumpa dia di Restoran **Sarang Art Hub** (pada hari **Mamat Khalid** meninggal dunia) untuk bincang pasal skrip. Bila dengar berita kematiannya, saya tak tahu nak buat apa.

“Saya rasa sebak dan sayu. Saya sayang dia seperti seorang adik, kami dah macam keluarga. Jadi, saya rasa ini satu kehilangan be-



MAT LONDON (dua kiri) bersama Mamat Khalid semasa penggambaran drama Kampung Pisang Bersiri.

sar buat saya, rakan khususnya industri.

“Dia boleh bangunkan industri dengan cara berlainan dan **Astro Shaw** melihat jelas apa yang dilakukan **Mamat Khalid** dan namanya tidak mungkin kita lupa buat selamanya,” ujarnya lagi.

Terdahulu, Allahyarham **Mamat Khalid** pengsan di restorannya, **Sarang Art Hub** di **Tanjung Malim**,

Perak sebelum dikejarkan ke hospital dan disahkan meninggal dunia 24 Oktober lalu.

Jenazah arwah selamat dikebumikan di **Tanah Perkuburan Islam Masjid Kampung Paloh, Ipoh**, **Perak** pada kira-kira pukul 2.20 petang, hari yang sama.

Turut hadir memberi penghormatan terakhir di tanah perkuburan ialah rakan-rakan ar-

tis antaranya, **M Nasir** bersama isteri, **Awie**, **Zul Ariffin**, **Pekin Ibrahim**, **Bell Ngasri**, **Zahiril Adzim**, **Bront Palarae**, **Avaa Vanja**, **Mat London**, penerbit dan pengarah, **Raja Azmi**.

Yang turut hadir menziarah, Menteri Belia dan Sukan, **Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu**; Ketua Pegawai Eksekutif, Rangkaian Televisyen Media Prima (MPTN) dan Primeworks Studios (PWS), **Datuk Khairul Anwar Salleh** dan **Datuk Ustaz Mohd Kazim Elias**.

Mamat Khalid meninggalkan seorang isteri, **Hasmah Hassan** dan lima anak.

Mamat mendirikan rumah tangga dengan **Hasmah Hassan** pada 12 April 1987 dan dikurniakan lima cahaya mata iaitu **Mohd Khalid Zaffa**, **Nor Sara**, **Mohd Khalid Adam**, **Mohd Khalid Amen** dan **Nur Hassan**.

Antara karya popular **Mamat Khalid** ialah filem **Hantu Kak Limah**, **man Laksa**, **Zombie Kampung Pisang**, **Rock Oo**, **Rock Bro**, **16 Puasa**, **17 Puasa** dan **18 Puasa Di Kampung Pisang**. **W K**